

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FUNDAMENTAL KEPIMPINAN DATUK SRI NAJIB TUN HAJI
ABDUL RAZAK DALAM STRATEGI PENGURUSAN NEGARA**



ROSNI BINTI SOHAR

UUM
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS POLITIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

2024

**FUNDAMENTAL KEPIMPINAN DATUK SRI NAJIB TUN HAJI
ABDUL RAZAK DALAM STRATEGI PENGURUSAN NEGARA**

ROSNI BINTI SOHAR (829145)



**Tesis ini dikemukakan ke Ghazali Shafie Graduate School of Government bagi
memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pentadbiran Sains Politik
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ROSNI SOHAR (829145)

calon untuk ijazah
(candidate for the degree
of)

MASTER OF ARTS (POLITICAL SCIENCE)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**FUNDAMENTAL KEPIMPINAN DATUK SRI NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK DALAM STRATEGI
PENGURUSAN NEGARA**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **31 OKTOBER 2023**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

OCTOBER 31, 2023

Pengerusi Viva : **PROF. DR. RUSDI OMAR**
(Chairman for Viva)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **DR AHMAD SHAH**
(External Examiner) **PAKEER MOHAMED**
(UITM)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **ASSOC. PROF. DR.**
(Internal Examiner) **KAMARUL AZMAN**
KHAMIS

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **31 OCTOBER 2023**
Date

Nama Pelajar
(Name of Student) : ROSNI SOHAR (829145)

Tajuk Tesis
(Title of the Thesis) : FUNDAMENTAL KEPIMPINAN DATUK SRI NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK
DALAM STRATEGI PENGURUSAN NEGARA

Program Pengajian
(Programme of Study) : MASTER OF ARTS (POLITICAL SCIENCE)

Penyelia Pertama
(First Supervisor) : ASSOC. PROF. DR.
NAZARIAH OSMAN

Tandatangan
(Signature)



Penyelia Kedua
(Second Supervisor) : DR. MD SHUKRI SHUIB

Tandatangan
(Signature)



UUM

Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Sarjana Pentadbiran Sains Politik Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya bersetuju bahawa sebahagian bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia-penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government Universiti Utara Malaysia. Sebarang bentuk salinan dan catatan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Adalah dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada keseluruhan

atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon kepada:

Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government

UUM College of Law, Government and International Studies

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

ABSTRAK

Dalam era persaingan geopolitik global dan persekitaran ekonomi-politik yang dinamik, tahap peralihan daripada paradigma kepimpinan transaksi kepada transformasi untuk mencapai strategi dan matlamat yang telah ditetapkan boleh diperhatikan di banyak negara. Dalam konteks ini, elemen kepimpinan sangat mempengaruhi perancangan dan pelaksanaan dasar pengurusan pentadbiran dan politik ekonomi yang berkesan dalam sesebuah negara. Tanpa kepimpinan yang berkesan, organisasi atau negara berkemungkinan tidak mempunyai hala tuju yang jelas. Kepimpinan juga merupakan kualiti yang boleh menyemarakkan kerjasama dalam kalangan individual untuk mencapai visi yang diinginkan bersama. Di bawah kepimpinan Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang keenam (2009-2018), agenda transformasi negara diteruskan di samping pelaksanaan dasar kepimpinan yang unik untuk memastikan Malaysia terus maju ke arah matlamat yang telah ditetapkan. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan ciri kepimpinan Najib Razak dalam alam politik dan kepimpinan. Kajian ini juga menganalisis elemen yang berkaitan dengan strategi kepimpinan politik-ekonomi Najib Razak. Selain itu, ia mengenal pasti dan mengkaji keberhasilan model kepimpinan ekonomi-politik Najib Razak dalam mengurus negara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul maklumat yang mendalam dan komprehensif. Kedua-dua data primer dan data sekunder telah digunakan di dalam kajian ini. Pemilihan kaedah ini membolehkan pengkaji menjalankan temu bual dengan tokoh politik dan kepimpinan utama negara, menjadikannya 'kajian elit' dengan akses mendalam kepada sumber maklumat utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, semasa beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Dato Sri Najib Tun Abdul Razak mempamerkan peranan kepimpinan yang kukuh dalam mengutarakan visi yang jelas untuk pembangunan dan pengurusan ekonomi negara. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa menerusi pentadbiran Najib Razak, pelbagai dasar dan strategi ekonomi politik-ekonomi telah dilaksanakan yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan Malaysia. Kepimpinan Najib Razak dalam strategi pengurusan negara mempunyai kepelbagaian dimensi yang memerlukan penelitian dan kajian, strategi politik-ekonomi yang dijana Malaysia melalui pentadbiran Najib Razak adalah sesuatu yang merupakan legasi beliau yang signifikan bagi para pengkaji untuk terus diterokai dalam pelbagai dimensi lapangan.

Kata Kunci: Malaysia, Najib Razak, Kepimpinan Transformasi, Pengurusan Negara, Strategi Politik-Ekonomi.

ABSTRACT

In the era of global geopolitical competition and within a dynamic economic-political environment, the transition stages from a transactional to a transformational leadership paradigm can be observed in many countries to achieve their respective pre-determined strategies and goals. In this context, the element of leadership significantly influences the effective planning and implementation of administrative management policies and economic politics within a country. Without effective leadership, organizations or countries may lack a clear direction. Leadership is also a quality that can inspire cooperation among individuals toward attaining a shared vision. Under the leadership of Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, the sixth Prime Minister of Malaysia (2009-2018), the transformation agenda of the country continued while exercising unique leadership policies to ensure Malaysia progression towards its established goals. The objective of this study is to explore the factors contributing to the development of Najib Razak's leadership characteristics in the realm of politics and leadership. This study also analyzes the elements relating to Najib Razak's economic-political leadership strategy. Additionally, it identifies and examines the success of Najib Razak's economic-political leadership model in managing the country. This research adopts a qualitative method to gather in-depth and comprehensive information. Both primary data and secondary data were used in this study. This chosen method enables the researcher to conduct interviews with key political and leadership figures in the country, making it an 'elite study' with profound access to primary information sources. The research findings indicate that, during his tenure as Prime Minister, Dato Sri Najib Tun Abdul Razak displayed a strong leadership role in articulating a clear vision for national economic development and management. This study also reveals that, under the administration of Najib Razak, various political-economic policies and strategies have been implemented to promote the growth and development of Malaysia. Najib Razak's leadership in national management strategy has multiple dimensions that warrant further research and study. The political-economic strategy developed by Malaysia during Najib Razak's administration is a significant legacy for researchers to continue exploring across various dimensions of the field.

Keywords: Malaysia, Najib Razak, Transformational Leadership, National Management, Political-Economic Strategy.

PENGHARGAAN



Tidak ada daya dan kekuatanku melainkan dengan pertolongan dan kekuatan Allah SWT. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW untuk segenap alam yang membawa kesejahteraan dan syafaat kepada mereka yang beriman.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnia dan hidayah-NYA akhirnya saya dapat menyiapkan tesis ini. Ucapan penghargaan tidak terhingga kepada penyelia saya Y. Brs Prof Madya Dr. Nazariah binti Osman dan Y. Brs Dr. Md Shukri Shuib, termasuk Y. Bhg Prof Dr Mohd Foad Sakdan selaku Naib Canselor UUM dan juga Prof Dr Rusdi Omar yang banyak memberikan semangat, serta semua rakan-rakan saya yang terdiri dari kalangan Pensyarah di Universiti Utara Malaysia yang banyak mendorong dan memberikan inspirasi saya sehingga penyelidikan ini dapat disiapkan. Banyak yang saya belajar daripada semua yang terlibat sama ada dalam dunia akademik atau hubungan manusia seharian. Sekalung penghargaan khas buat pemimpin yang banyak berjasa YB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang banyak membimbing di dalam karier politik saya sama ada di dalam UMNO, BN dan juga Kerajaan. Beliau jugalah yang banyak menyokong saya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga mereka senantiasa dirahmati, diberikan kesejahteraan dan kesihatan yang baik oleh Allah SWT.

Tanpa restu dan doa daripada ibubapa mungkin saya tidak dapat menikmati kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Justeru itu, ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Allahyarham Ayahanda dan Bonda yang telah mendidik dan memberi semangat serta tidak jemu-jemu menyokong saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Semoga roh Allahyarham Ayahanda ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan dirahmati oleh Allah SWT. Begitu juga, ucapan terima kasih kepada keluarga saya, anak-anak kesyangan saya yang menjadi nadi semangat dalam menyiapkan tesis ini. Tesis ini juga tanda pengorbanan dan sokongan dari mereka telah memberi seribu makna, kekuatan dan menjadi inspirasi kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Disamping itu, ucapan penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada sahabat saya Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, adik-adik saya dan para sahabat saya di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang sentiasa memberi sokongan dan berkongsi ilmu bagi menjayakan tesis ini. Jutaan terima kasih juga kepada barisan responden yang sanggup berkongsi maklumat dan idea untuk menjayakan tesis ini. Semoga kalian semua sentiasa dicucuri rahmat oleh Allah SWT.

ROSNI BINTI SOHAR

Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah Darul Aman

ISI KANDUNGAN

BAB SATU PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.2.1 Fundamental Kajian Politik Dan Kepimpinan Najib Razak.....	3
1.2.2 Kepimpinan Dan Pengurusan Najib Razak.....	6
1.3 Penyataan Masalah.....	11
1.4 Persoalan Kajian.....	12
1.5 Objektif Kajian.....	12
BAB DUA ULASAN KARYA	16
2.0 Pengenalan	16
2.1 Survival Penglibatan Najib Razak Dalam Dunia Politik Dan Kepimpinan.....	16
2.1.1 Najib Razak Dalam Aspek Keturunan Dan Keluarga	18
2.1.2 Pengaruh Najib Di Pahang.....	19
2.1.3 Penglibatan Najib Razak Dalam Pilihanraya.....	21
2.2 Survival Penglibatan Najib Razak Dalam Parti UMNO	22
2.2.1 Gaya Najib Razak berpolitik Dalam UMNO.....	24
2.2.2 Peranan Najib Razak Semasa Krisis Perpecahan UMNO 1987.....	24
2.2.3 Perpecahan Dalam UMNO Dan Wujudnya “Team Wawasan”	26
2.2.4 Najib Razak Semasa Krisis Pemecatan Anwar Ibrahim Dari UMNO Dan ...	27
Kerajaan	27
2.2.5 Najib Razak Berhadapan Dilema Desakan Supaya Pak Lah Berundur	28
2.3 Ulasan Survival Penglibatan Najib Razak Dalam Dunia Politik Dan Kepimpinan...29	

2.3.1 Najib Razak Dalam Demokrasi Pilihanraya: Fasa Pilihanraya Kecil 1976... 31 Hingga Pilihanraya Umum November 1999.	31
2.3.2 Najib Sebagai Aristokrat dan Legislator	35
2.3.3 Konsep Najibpoleristokrat	36
2.3.4 Najib Razak Dan Politik Moden.....	37
2.4 Kepimpinan Najib Razak Dari Sudut Model Pendekatan Kepimpinan Pragmatis	38
2.5 Dasar Transformasi Dan Pembangunan Ekonomi	39
2.6 Ulasan Kepimpinan Politik Najib Razak	41
2.6.1 Tiga dekad pengalaman Najib Razak Sebagai Ahli Legislative Dan Eksekutif.....	42
2.7 Kerangka Konsep	44
2.8 Rumusan Bab	44
 BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	46
3.1 Pengenalan	46
3.2 Rekabentuk Kajian Dan Persampelan	46
3.3 Pengumpulan Data	48
3.4 Data Primer	48
3.4.1 Sesi Temubual Langsung	49
3.4.2 Teks Rasmi Ucapan Perdana Menteri	49
3.4.3 Laporan Rasmi.....	49
3.5 Data Sekunder	50
3.6 Analisis Data	50
3.7 Skop Dan Limitasi Kajian.....	51
 BAB EMPAT KERANGKA KONSEP MODEL STRATEGI POLITIK EKONOMI NAJIB RAZAK DALAM PENGURUSAN NEGARA	54
4.0 Pengenalan Bab.....	54
4.1 Konsep Kepimpinan Politik Pentadbiran.	54
4.1.1 Visi dan Misi.....	58

4.1.2 Pembuatan Keputusan (<i>Decision Making</i>).....	60
4.1.3 Komunikasi awam (Public Communication)	61
4.2 Pembangunan dan Hasil Dasar Awam.....	64
4.2.1 Etika dan Amanah	67
4.3 Teori Kepimpinan Politik.....	70
4.3.1 Teori Kepimpinan Transformasi	72
4.3.2 Teori Kepemimpinan Transaksional.....	75
4.3.3 Ulasan Gaya Kepemimpinan Transaksional.....	76
4.4 Model Kerangka Konsep Kajian.....	79
4.4.1 Model Politik Dan Kepimpinan Najib Razak.....	79
4.4 Rumusan Bab	81

BAB LIMA ANALISA KEBERHASILAN MODEL STRATEGI KEPIMPINAN POLITIK-EKONOMI NAJIB RAZAK DALAM PENGURUSAN NEGARA82

5.0 Pengenalan Bab.....	82
5.1 Analisa Kepimpinan Politik Najib Razak	84
5.1.1 Analisa kepimpinan Najib Razak Dalam Kerajaan	85
5.2 Analisa kepimpinan dan survival Najib Razak dalam Parti Politik.....	102
5.3 Analisa keberhasilan Pembangunan dan Perlaksanaan Dasar	107
5.4 Analisa keseluruhan Fundamental kepimpinan Najib Razak dalam strategi Pengurusan Negara	111
5.5 Rumusan Bab	113

BAB ENAM RUMUSAN DAN CADANGAN.....116

6.1 Pengenalan Bab	116
6.2 Rumusan Kepimpinan dan Pengurusan Najib Razak dalam Kerajaan	116
6.3 Kepimpinan dan Pengurusan Najib Razak dalam Parti Politik.....	118
6.4 Cadangan Penambahbaikan Kepimpinan Dan Pengurusan Najib Razak Dalam.....	120
Kerajaan dan Parti Politik	120
6.4.1 Keberhasilan Pembangunan Dan Perlaksanaan Dasar	122

6.4.2 Tindakan Kepimpinan agresif dalam Kerajaan dan Parti Politik	123
6.4.3 Pengaruh Kepimpinan dalam Kerajaan Dan Parti Politik	125
6.5 Rumusan Bab	126
RUJUKAN	130



SENARAI RAJAH

Rajah 1. 1: Kerangka Konsep Fundamental Kepimpinan Datuk Sri Najib Tun Haji	44
Rajah 2.2: Model Politik Ekonomi Najib Razak.....	79



SENARAI NAMA SINGKATAN

ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
BN	: Barisan Nasional
ISA	: Akta Keselamatan Dalam Negeri
MPM	: Menteri Pertahanan Malaysia
UMNO	: <i>The United Malays National Organisation</i>
Najib Razak	: Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak



BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kepimpinan mempunyai pengaruh yang penting ke atas aktiviti sesebuah negara, terutamanya ke arah mencapai suatu tujuan tertentu. Tanpa kepimpinan yang baik, organisasi tidak akan mempunyai hala tuju yang utuh. Kepimpinan juga merupakan sifat yang boleh mempengaruhi orang lain dalam menimbulkan kerjasama untuk mencapai visi yang diinginkan bersama.

1.1 Pendahuluan

Kepimpinan adalah keupayaan untuk mempengaruhi sikap dan tingkah laku orang lain. Dalam konteks hari ini, seorang pemimpin bukan sahaja seorang yang memenuhi keperluan kepimpinan sesebuah negara tetapi juga sebagai nadi perubahan dengan memupuk idea-idea baharu ke arah mencipta perubahan dalam organisasi. Oleh yang demikian, pemimpin yang berkesan ialah seseorang yang boleh menggalakkan tenaga orang bawahan untuk diarahkan ke arah visi bersama. Menurut Warren G. Bennis (2012) dalam bukunya, *“Leaders: The Strategies for Take Charge”*, menyatakan bahawa:

“Kepimpinan diperlukan dalam membantu sesebuah organisasi dalam membangunkan pandangan baharu dengan tujuan untuk mencipta pembangunan yang boleh membawa perubahan ke arah organisasi yang lebih baik. Kepimpinan juga merupakan hasil interaksi yang melibatkan dua orang atau lebih untuk bertindak dalam mencapai matlamat tertentu yang dirangsang oleh kehendak dan keperluan kedua-dua pihak.” (Warren G. Bennis: 2012)

Di Malaysia, untuk mengatasi pelbagai cabaran dalam melaksanakan transformasi pentadbiran, pemimpin transformasi merupakan satu bentuk kepimpinan yang memerlukan tahap keyakinan diri yang tinggi yang mampu mengemudi organisasi ke arah mengatasi semua cabaran. Kepimpinan transformasi juga merupakan satu bentuk kepimpinan yang sering dikaitkan dengan tahap pencapaian kerja yang lebih tinggi dan kepuasan terhadap pemimpin. (Thalib. L: 2015)

Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak (Najib Razak) ialah seorang ahli politik Malaysia dan Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Sebagai seorang pemimpin, Najib Razak menjadi inspirasi kepada pengikutnya dan seluruh rakyat Malaysia untuk berusaha dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Beliau adalah individu yang memenuhi ciri-ciri pemimpin transformasi sebahagiannya untuk mengiktiraf keperluan, mencipta pandangan baharu dan menginstitusikan pembaharuan untuk saling meningkatkan tahap moral dan motivasi yang lebih tinggi. Dalam membincangkan aspek kepimpinan, personaliti dan peradaban politik yang dibawa dan diamalkan oleh Najib Razak, jelas terdapat beberapa angkubah atau faktor asas yang membina peradaban politik Najib Razak dalam situasi politik tanah air yang bermula sejak 1976 hingga akhirnya membawa beliau sebagai

Presiden UMNO ketujuh, Pengerusi Barisan Nasional serta Perdana Menteri keenam bagi Malaysia pada April 2008 hingga Mei 2018. (Thalib. L: 2015)

1.2 Latarbelakang Kajian

Latarbelakang kajian ini akan melihat dua faktor utama dalam mengenalpasti dan melihat fundamental kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak dalam strategi pengurusan negara. Faktor yang pertama adalah untuk melihat latarbelakang kajian oolitik dan kepimpinan Najib Razak dan faktor yang kedua adalah untuk melihat latarbelakang dari sudut kepimpinan dan pengurusan Najib Razak dalam pentadbiran semasa menjawat jawatan Perdana Menteri.

1.2.1 Fundamental Kajian Politik Dan Kepimpinan Najib Razak

Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang juga disebut Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia keenam dilahirkan pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis, Pahang. Beliau telah mendapat pendidikan di St. John's Institution, Kuala Lumpur dan *Malvern Boy's College, Worcestershire, England* sebelum menamatkan pengajian peringkat ijazah dalam bidang Ekonomi Perindustrian daripada Nottingham Universiti. (Chamil Wariya: 2006). Pada 1974, selepas kembali ke Malaysia setelah berjaya menamatkan pengajian, Najib telah menyertai dunia korporat dengan memulakan khidmat untuk satu waktu yang singkat dengan Bank Negara Malaysia, dan kemudiannya beralih ke Petronas (Perbadanan Petroleum Nasional) dengan menjawat jawatan sebagai Pengurus Hal Ehwal Awam (Chamil Wariya: 2006). Namun pemergian Perdana Menteri Ketika itu iaitu Tun

Abdul Razak yang juga merupakan ayahanda Najib Razak yang berlaku secara mendadak pada Januari 1976, ianya telah merubah corak kehidupan Najib Razak secara dramatik. Sejak itu, Najib Razak dipikulkan dengan amanah dan tugas besar untuk terus melangsungkan kepemimpinan Tun Abdul Razak di pentas politik negeri dan nasional. (Chamil Wariya: 2006)

Karier politik Najib bermula selepas ayahandanya kembali ke rahmatullah pada tahun 1976. Beliau dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di kerusi Parlimen Pekan. Inilah titik permulaan yang merubah corak kehidupan Dato' Sri Mohd Najib sebagai seorang tokoh politik. Pemergian ayahandanya, Tun Abdul Razak amat dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia. Jasa dan pengorbanannya kepada pembangunan negara amat dihargai dan dikagumi. Justeru tidak hairanlah sekiranya Dato' Sri Mohd Najib telah diberi laluan mudah dengan memenangi kerusi Parlimen Pekan tanpa bertanding walaupun ketika itu usianya baru menjangkau 23 tahun (Mohd Ayop Abd Razid, 2013: 19). Menjejakkan kaki media politik dan pentadbiran negara pada usia 22 tahun 7 bulan (Chamil Wariya, 2007: 15), Najib memulakan kerjaya politiknya sebagai Ahli Parlimen iaitu sebagai ahli dewan legislatif atau Dewan Rakyat, selain itu, Najib Razak juga mempunyai kedudukan sebagai pembesar Melayu (aristokrat), Najib Razak dilihat tidak bersikap statik dengan hanya bersenang menerusi gelaran dan kedudukan yang disandang, namun, dengan kedudukan tersebut ia melonjakkan potensi serta kepintaran untuk mendepani beliau ke hadapan sehingga bukan hanya selesa sebagai pembesar Melayu di Istana Pahang, tetapi mampu mendepani cabaran sehingga ke

Putrajaya. Najib Razak adalah merupakan individu kedua dari Pahang yang menjawat jawatan tertinggi selaku ketua kepada cabang eksekutif kerajaan Malaysia. Najib Razak adalah individu kedua berjaya ke jawatan Perdana Menteri yang berasal dari keturunan bangsawan Melayu yang merupakan Pembesar Berempat Istana Pahang (kerana mewarisi gelaran turun temurun sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar) dimana secara langsung bergelar Dato' Sri bagi penyandanganya, maka ia membolehkan Najib Razak sejak seawal usia muda memahami akan tanggungjawab dan peranan sebagai 'pewaris' kepada bukan sahaja gelaran dan kebesaran atas kapasiti sebagai seorang pembesar bergelar, tetapi juga kebertanggungjawaban adalah bersandar kepada asas politik yang dibina oleh ayahandanya yang juga secara warisan memegang panji kehormatan sebagai pembesar Melayu di Istana Pahang dan turut berperanan dalam pembinaan sebuah negara bangsa bernama Malaysia.



Untuk itulah Md. Shukri Shuib (2010) menjanakan satu istilah yakni Najibpoleristokrat yang berakar umbi dari perkataan Najib itu sendiri yang digabungkan bersama perkataan politik dan legislatif, yakni atas asas Najib sebagai ahli politik dan ahli dewan legislatif yang terpilih secara demokrasi dengan perkataan aristokrat yang mengambil kira kedudukan bangsawan Melayu yang dipegang secara tradisi oleh Najib Razak secara turun temurun mewakili kawasan atau daerah kekuasaan iaitu Pekan sebagai pembesar Melayu di Istana Pahang.

Ini sekaligus mematikan hujah negatif sesetengah pihak lebih tiga dekad lalu yang menurut Chamil Wariya (2007: 15) yang sinis menganggap Najib Razak sebagai individu yang terlalu muda dan tidak berpengalaman. Cabaran melas ketika Najib Razak dalam usia 56 tahun sebagai Presiden UMNO, Perdana Menteri dan kekal lebih tiga dekad dalam politik bersama UMNO dan Barisan Nasional (BN) dengan pelbagai pengalaman telah membuktikan bahawa beliau turut mampu bukan sahaja bersaing dalam arena politik malahan menyumbang sesuatu untuk perjuangan agama, bangsa dan negara.

Kedudukan legasi keturunan selaku bangsawan beserta pula peranan aktif diperingkat nasional, membolehkan Najib Razak mengamati setiap perjuangan dan tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai pemimpin yang diwarisi. Atas kedudukan ayahandanya selaku pembesar Istana dan juga pembesar negara yang menjawat pelbagai jawatan diperingkat nasional sehingga diberikan kepercayaan sebagai Perdana Menteri, maka elemen fungsi keluarga dan pewarisan telah sebenarnya secara langsung ataupun tidak telah berjaya menerobos skop dan fokus jatidiri Najib Razak untuk kemudiannya bukan sahaja mewarisi ketokohan Tun Abdul Razak malahan memperkembangkan ketokohan tersebut dengan kepelbagaian pengalaman sehingga membolehkan Najib Razak membina potensi serta keunggulan politik dan kepimpinan yang tersendiri sejak 1970-an hingga kini.

1.2.2 Kepimpinan Dan Pengurusan Najib Razak

Perdana Menteri adalah pemimpin seluruh negara dan merupakan jawatan utama negara, puncak jawatan yang penting bagi ahli-ahli politik dan parti, bahkan jawatan Perdana Menteri adalah punca kuasa kepada pelbagai agenda yang mampu dilaksanakan, dan

secara ilmiahnya, menurut Ahmad Atory (1996: 61), Perdana Menteri adalah aktor utama dalam kerajaan, kebanyakan dasar-dasar digubal dan di ambil tindakan oleh Perdana Menteri di peringkat Persekutuan. Secara umumnya, menerusi jawatan Perdana Menteri terdapat banyak peranan yang diharapkan daripadanya. Pada setiap masa, Perdana Menteri diharapkan dapat membimbing rakyat dengan menjadikan dirinya sebagai contoh teladan. Adakah seorang Perdana Menteri yang berpegang pada kata-katanya terutama dalam merealisasikan manifesto pemilihan parti? Adakah seorang Perdana Menteri itu mampu untuk memulakan pemacu yang diperlukan untuk rakyat membantu mencapai apa yang rakyat inginkan demi kebaikan negara? Adakah seorang Perdana Menteri itu mempunyai kebolehan untuk mengimbangi perkara-perkara rumit berkenaan isu-isu yang dianggap sangat sensitif dalam masyarakat berbilang etnik seperti di dalam negara Malaysia?

Justeru, bukan sahaja seorang Perdana Menteri itu mesti mempunyai keupayaan untuk mendapat penerimaan dan sokongan daripada menteri kabinet dan ahli partinya, malah beliau juga perlu menunjukkan kesanggupannya untuk berkhidmat kepada pengikutnya dan seluruh rakyat. Seorang Perdana Menteri harus mempamerkan gaya kepimpinannya sama ada dengan menyatakannya dengan jelas kepada rakyat sebagai contohnya bahawa beliau adalah pemimpin yang berkhidmat atau hanya dengan mempamerkan beberapa proses kepimpinan dengan menunjukkan kaedah mentadbir yang baik kepada ahli kabinetnya sebagai ikutan dan amalan kepada yang lain. (Chan, Tsu Chong: 2018)

“Seorang pemimpin transformasi mesti dapat memecahkan rintangan terhadap perubahan dan menangani halangan lain”

(The borneo post: 2010)

Menurut Datuk Sri Najib Tun Razak (2010) beliau menyatakan bahawa untuk menjayakan transformasi, pemimpin transformasi mesti dapat menyampaikan visi, matlamat dan strategi mereka dengan berkesan untuk membina sokongan dan mereka juga mesti mempunyai misi dan kesegeraan untuk menyelesaikan sesuatu dengan cepat. Najib Razak juga menegaskan bahawa kepemimpinan transformasi adalah penting pada hari ini ketika dunia bergelut dengan ketidakpastian yang disebabkan oleh krisis kewangan global dan ancaman lain terhadap keamanan, keselamatan dan kemakmuran dunia.

Dalam ucapan sulung Najib Razak di Parlimen sebagai Perdana Menteri pada 3 April 2009, Najib Razak membayangkan hasratnya untuk memperkenalkan langkah-langkah yang direka untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran. Beliau berkata;

"Kerajaan dengan pendekatan baharu untuk zaman baharu iaitu kerajaan yang mengutamakan prestasi." (The Star: 2009)

Kesan krisis ekonomi subprima yang melanda pada 2008 sehingga Najib Razak mengambil alih tampuk pemerintahan pada 2009 pembaharuan dan transformasi merupakan pendekatan yang sangat diperlukan dan Najib Razak perlu mencari pendekatan yang lebih komprehensif di dalam menjadikan Malaysia menjadi sebuah negara yang kompetitif. Sememangnya, terdapat persetujuan dan desakan yang meluas yang mahukan bahawa perkhidmatan awam Malaysia memerlukan pembaharuan. Selepas lebih 6 dekad melakukan perancangan, pembentukan semula dan koordinasi birokrasi, banyak usaha

yang datang daripada pemerintah sebelum beliau hanyalah menemui keputusan yang agak lemah dan tidak memuaskan.

Pendekatan pertama Najib Razak melaksanakan transformasi pentadbiran negara ketika menyampaikan ucapannya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada tahun 2009 yang telah menggariskan empat anjakan paradigma yang perlu dilakukan oleh perkhidmatan awam. (Bernama News: 2009). Najib Razak mula memfokus semula pada apa yang dilihatnya sebagai bidang ekonomi yang paling banyak memerlukan pembaharuan. langkah jangka pendek yang direka untuk menangani masalah yang mendesak. Anjakan pertama adalah, perkhidmatan awam harus lebih fleksibel. Sektor awam harus memudahkan prosedur tanpa mengabaikan peranannya sebagai penjaga kepentingan awam.

"Penjawat awam jangan sesekali menghalang proses menjana kekayaan ini kerana jika mereka berbuat demikian, pada analisis akhir, rakyat yang akan rugi."
(Bernama News: 2009)

Anjakan kedua ialah Perkhidmatan awam harus beralih daripada paradigma menilai kejayaan berdasarkan output, kepada satu berdasarkan hasil. Sebagai contoh di sektor Pendidikan di mana penekanan harus diberikan bukan sahaja kepada mempunyai sekolah dan makmal yang mencukupi tetapi juga kejayaan keseluruhan, termasuk kebajikan dan moral pelajar. Anjakan paradigma ketiga melibatkan sektor awam yang beralih daripada birokrasi yang menyukarkan kepada birokrasi dengan kaedah yang lebih mudah sebagai contoh terbaik ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan sistem e-filingnya, yang ringkas, kreatif dan inovatif pendekatan.

Anjakan keempat adalah daripada produktiviti semata-mata kepada gabungan produktiviti, kreativiti dan inovasi. Pengukuran produktiviti konvensional hanya menghasilkan peningkatan secara berperingkat manakala gabungan produktiviti, kreativiti dan inovasi akan memberikan lonjakan kuantum dalam peningkatan dan merangsang kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatan awam.

"Kita mesti mengawal saiz kerajaan kita kerana kerajaan tidak mengetahui segala-galanya atau mempunyai penyelesaian kepada setiap masalah. Realitinya ialah era kerajaan yang besar dan kerajaan yang tahu segala-galanya sudah berakhir." (Bernama News: 2009)

Menurut Najib Razak lagi, idea bahawa setiap masalah boleh diselesaikan dengan menubuhkan jabatan atau agensi baharu atau menambah kakitangan sudah lapuk. Kerajaan mesti mengawal saiz pentadbiran kerajaan kerana kerajaan tidak mengetahui segala-galanya atau mempunyai penyelesaian kepada setiap masalah. Realitinya ialah era kerajaan yang besar dan kerajaan yang tahu segala-galanya sudah berakhir. Keadaan ini dapat dilihat peranan yang telah diambil oleh Najib Razak dalam mengubah dan melaksanakan perubahan dalam pentadbiran awam yang nyata tepat pada masanya. (Ismail Noor: 2009)

1.3 Penyataan Masalah

Dalam membincangkan aspek kepimpinan, personaliti dan peradaban politik yang dibawa dan diamalkan oleh Najib Razak, jelas terdapat beberapa angkubah atau faktor asas yang membina peradaban politik Najib Razak dalam situasi politik tanah air yang bermula sejak 1976 hingga akhirnya membawa beliau sebagai Presiden UMNO ketujuh, Pengerusi Barisan Nasional serta Perdana Menteri keenam bagi Malaysia pada April 2008 hingga Mei 2018. Kepimpinan adalah keupayaan untuk mempengaruhi sikap dan tingkah laku orang lain. Seorang pemimpin perlu menjadi nadi perubahan dengan memupuk idea-idea baharu ke arah mencipta perubahan dalam organisasi. Di Malaysia, untuk mengatasi pelbagai cabaran dalam melaksanakan transformasi pentadbiran, pemimpin transformasi merupakan satu bentuk kepimpinan yang memerlukan tahap keyakinan diri yang mampu mengemudi organisasi ke arah mengatasi semua cabaran. Aspek transformasi kepimpinan Najib Razak memberikan pola perubahan dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Namun begitu, masih lagi belum ada pengkaji yang mengkaji aspek kepimpinan yang dilaksanakan Najib Razak secara menyeluruh terhadap pendekatan faktor kepimpinan dan peranan Najib Razak sebagai aktor politik Malaysia. Melihat daripada fenomena Najib Razak bermula sejak beliau berada di dalam dunia politik nasional sehinggalah era kejatuhan pada tahun 2018 dan kembalinya beliau dalam dunia politik anak muda dengan gelaran “*Bosku*” pasca Mei 2018 jelas menunjukkan betapa peranan Najib Razak ini perlu dikaji dan diilmiahkan sebagai khazanah politik Malaysia. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada fundamental kepimpinan Datuk Sri Najib Tun Haji Abdul Razak dalam strategi pengurusan negara.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah **faktor-faktor penglibatan Najib Razak** dalam penglibatan di dunia politik dan kepimpinan terbina?
2. Apakah **elemen strategi kepimpinan politik ekonomi** Najib Razak dalam dunia politik dan kepimpinan?
3. Apakah **keberhasilan model strategi kepimpinan politik ekonomi** Najib Razak dalam pengurusan negara?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bagi mengkaji mengenai faktor dan pendekatan politik yang digunakan oleh Najib Razak dalam aspek kepimpinan politik dan ekonomi yang berlaku pada era kepimpinannya. Kajian ini juga mempunyai objektif khusus iaitu:-

1. Mengenal **faktor-faktor penglibatan Najib Razak** dalam penglibatan dunia politik dan kepimpinan.
2. Menganalisa **elemen strategi kepimpinan politik ekonomi** Najib Razak dalam dunia politik dan kepimpinan.
3. Menganalpasti **keberhasilan model strategi kepimpinan politik ekonomi** Najib Razak dalam pengurusan negara.

Skop Kajian

Kajian ini akan tertumpu kepada melihat peranan Najib Razak dari segi peranan dan pentadbirannya sebagai ahli politik, Menteri dan Perdana Menteri dengan memfokuskan kepada peranan dan tindakan diambil oleh kepimpinan dan pengurusan Najib Razak dalam aspek politik-ekonomi yang berlaku di Malaysia.

1.8 Pembahagian Bab

Perbincangan kajian mengenai faktor dan pendekatan politik yang digunakan oleh Najib Razak dalam aspek kepimpinan politik dan ekonomi yang berlaku pada era kepimpinannya adalah membabitkan enam bab. Setiap bab mempunyai tema perbincangan yang telah disusun atur dan mengandungi sub topik seperti pengenalan bab, perbincangan dan kesimpulan bab. Kajian ini membabitkan bab seperti berikut:

Bab 1: Pendahuluan

Dalam bab ini ia adalah bab pendahuluan yang mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian. Secara umumnya, bab ini memberikan gambaran awal mengenai perbincangan yang akan dilakukan dalam kajian ini.

Bab 2: Ulasan Karya

Bab ini akan mengkaji dan mengulas kajian yang pernah dibuat ke atas langkah dan tindakan yang dilaksanakan oleh Najib Razak bagi survival penglibatan dalam dunia politik dan kepimpinan. Bab ini bertujuan mencari maklumat dan latar belakang dengan

kajian yang dibuat. Dalam bab ini membincangkan karya yang dihasilkan sebelum ini yang berkaitan dengan kajian kepimpinan Najib Razak dari sudut model pendekatan politik ekonomi.

Bab 3: Metodologi Kajian

Bab ini merupakan perbincangan mengenai kerangka teori kajian yang dijalankan. Bab ini juga merupakan bab yang membentuk kerangka kajian yang dibuat pada akhir bab ini untuk menjelaskan mengenai proses penyelidikan yang dijalankan.

Bab 4: Model Politik Ekonomi Najib Razak

Bab ini menjelaskan peranan strategi, langkah dan idea serta keberhasilan Najib Razak dalam penglibatan di dunia politik dan kepimpinan. Bab ini menjelaskan bentuk tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan Najib Razak dalam mengatasi permasalahan yang wujud.

Bab 5 : Analisa Pengurusan dan Kepimpinan Najib Razak

Bab ini melibatkan penganalisaan terhadap beberapa aspek seperti aspek pengurusan dan kepimpinan membabitkan permasalahan dan keupayaan Malaysia dalam menghadapi dan kedudukan ekonomi, politik dan sosial negara ketika kepimpinan Najib Razak. Bab ini mengandungi beberapa sub topik yang menganalisa beberapa aspek seperti aspek pembangunan dasar pembangunan negara dan faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar tersebut, serta kaitannya dengan pola penting geo-persekitaran antarabangsa yang juga mempengaruhi dasar politik ekonomi Malaysia, ancaman luaran negara serta

ancaman dalaman negara berkaitan politik dan ekonomi yang mempengaruhi tindakan kerajaan pimpinan Najib Razak

Bab 6 : Rumusan dan Cadangan

Bab ini adalah rumusan dan cadangan daripada hasil penyelidikan yang dibuat. Rumusan kajian ini dibuat berdasarkan penganalisaan dengan menggunakan kerangka teori pembangunan dan menganalisa pembangunan yang dijalankan oleh dengan langkah-langkah yang dilaksana semasa kepimpinan Najib Razak. Di samping itu, bab ini juga membincangkan cadangan yang dapat menambahbaik aspek kepimpinan dan pengurusan politik ekonomi yang Malaysia dapat laksanakan. Kajian ini juga boleh menjadi sebagai rujukan serta asas kepada pengkajian seterusnya mengenai pembangunan pengurusan khususnya berkaitan keberhasilan Najib Razak di Malaysia.



BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Dalam membincangkan kedudukan politik Najib Razak yang semestinya bergantung kepada sokongan rakyat di kawasan yang diwakilinya, iaitu kawasan Pekan, maka wujud dua fasa pergerakan susunatur politik yang signifikan kepada Najib Razak yang ditunjukkan oleh para pengundi di kawasan tersebut. Dalam ulasan karya ini, perbincangan politik Najib Razak dibahagikan kepada beberapa aspek yang berkisar kepada empat asas utama, iaitu:-

- 1: Aristokrat atau Bangsawan : Keturunan dan keluarga
- 2: Parti Politik : UMNO
- 3: Wilayah Penguasaan : Kawasan Pekan
- 4: Survival Politik : Legislatif dan Eksekutif/Kabinet

2.1 Survival Penglibatan Najib Razak Dalam Dunia Politik Dan Kepimpinan

Najib Razak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri keenam Malaysia pada 3 April 2009, di mana semasa beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia pada

persimpangan kritikal dalam sejarah partinya. Pada Ketika itu, Malaysia sedang mengalami krisis ekonomi terburuk sejak Kemelesetan ekonomi terbesar pada 1997, iaitu krisis berkaitan kemelesetan ekonomi di sebabkan dilemma ekonomi Amerika Syarikat sejak 2008. Disamping itu juga, selain aspek ekonomi, kedudukan politik parti pemerintah yang merupakan parti Melayu terbesar di Malaysia iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan gabungan yang diketuainya, Barisan Nasional (BN), berada pada tahap paling rapuh, disebabkan oleh keputusan PRU pada 2008 telah meniadakan majoriti dua pertiga Kerajaan BN, kesannya adalah penerimaan tindak balas daripada rakyat yang sudah mula beralih kepada parti lain akibat beberapa kes-kes besar yang melibatkan skandal pemimpin tertinggi dalam UMNO itu sendiri (EastasiaForum: 2009).

Untuk itu, Najib Razak sedar bahawa pembaharuan parti adalah kritikal untuk kelangsungan hidupnya dan UMNO. Najib Razak menyaksikan bagaimana Pak Lah atau Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi bertukar daripada 'wira parti', membawa UMNO dan BN kepada kemenangan gemilang dalam pilihan raya umum ke-11 pada 2004, menjadi 'pemimpin yang gagal' dalam pilihan raya umum ke-12 pada 2008, di mana rakyat menghukumnya kerana mensia-siakan mandat mereka dan tidak memulakan pembaharuan yang telah lama diperlukan, di mana Abdullah Haji Ahmad Badawi telah dikeluarkan (EastasiaForum: 2009).

2.1.1 Najib Razak Dalam Aspek Keturunan Dan Keluarga

Perjuangan dan peninggalan keluarga Tun Abdul Razak yang boleh dirujuk sebagai ‘Legasi Pekan’ adalah merupakan satu dimensi politik yang berjaya membina kepimpinan bersifat generasi pewarisan, dimana sejarah sekali lagi dicatatkan oleh Najib Razak dimana seorang anak kepada mantan Perdana Menteri berjaya ke persada kuasa yang sama seperti ayahandanya iaitu Tun Abdul Razak Hussein yang berjaya ke puncak kuasa tertinggi badan eksekutif dalam kepimpinan negara (Chamil Wariya, 2007: 15) menyifatkan bermulanya kerjaya politik Najib adalah atas reputasi dan nama baik ayahandanya. Bahkan semasa Najib Razak dipilih sebagai calon pilihanraya bagi kawasan Pekan, Perdana Menteri pada ketika itu ialah ayahanda saudaranya melalui perkahwinan dengan saudara dari sebelah bondanya, iaitu Tun Hussein Onn, dimana isteri Tun Hussein iaitu Toh Puan Suhaila Mohd Noah adalah kakak sulung kepada Tun Rahah Mohd Noah (Chamil Wariya, 2007: 15). Rujukan istilah “Legasi Pekan” bersesuaian dengan status Najib Razak sebagai pemimpin warisan tradisi dan juga pemimpin pewaris dalam politik moden di Kawasan terbabit yang sinonim dengan beliau dan susur galur keturunannya.

Ketika Najib Razak mula berkecimpung dalam arena politik UMNO dan nasional, ia juga mempunyai perkaitan kekeluargaan politik yang sangat dominan dalam kancah politik moden Malaysia, di mana pada masa yang sama, Tan Sri Hamzah Abu Samah yang juga ahli politik UMNO serta ahli parlimen sejak 1967 serta Menteri Perusahaan dan Industri pada ketika itu adalah bapa saudara Najib di sebelah bapanya dimana isteri kepada Tan Sri Hamzah iaitu Puan Seri Zainon adalah adik bongsu kepada Tun Abdul Razak Hussein (Chamil Wariya, 2007: 15). Selain itu juga, Chamil Wariya (2007:15) menjelaskan

bahawa Menteri Besar Pahang pada ketika itu iaitu Datuk Mohamad Jusoh adalah bapa saudaranya melalui perkahwinan dengan saudara perempuan Tun Abdul Razak iaitu Maimunah. (Chamil Wariya, 2006).

2.1.2 Pengaruh Najib Di Pahang

Hubungan tegang di antara Sultan Pahang dengan Menteri Besar, Dato' Abdul Rahim Bakar yang menyebabkan tindakan Menteri Besar tersebut meletakkan jawatan dan digantikan oleh Dato' Abdul Rashid Abdul Rahman yang ketika itu merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (Chamil Wariya, 2009: 15) sebagai Menteri Besar Pahang ke 11 pada 7 November 1981 (Rosli Abdul Jalil, 3 April 2009: 27). Tindakan memindahkan Najib untuk tidak bertanding mempertahankan kawasan parlimen yang diwakilinya sejak 21 Februari 1976 dan bertukar kawasan ke Bandar Pekan bagi membolehkan Najib dipilih dan dilantik sebagai ahli Dewan Undangan Negeri Pahang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan Perdana Menteri telah membuka laluan bagi Najib Razak untuk diketengahkan kepimpinannya sebagai Menteri Besar bagi negeri Pahang. (Chamil Wariya, 2006)

Perletakan jawatan Dato' Abdul Rahim selaku Menteri Besar enam bulan sebelum pilihanraya umum 1982 (Chamil Wariya, 2009: 15), telah membolehkan Najib Razak kemudiannya dipindahkan dari peringkat pusat ke negeri, dan dengan itu, Najib telah secara langsung diuji kebolehannya untuk menunjukkan kepemimpinan yang wujud dalam dirinya, dan Najib Razak juga telah berjaya meredakan ketegangan yang timbul

dalam politik dan pentadbiran negeri Pahang. Apabila Najib Razak dilantik Menteri Besar, maka ia telah berjaya menyeimbangi kedudukan sebagai ahli politik, pembesar istana dan ketua kerajaan negeri dengan pihak istana. (Chamil Wariya, 2006)

‘For Najib, apart from repairing the strenuous relationship between UMNO and the Sultan, he also had the task of bringing political stability to the state. Although he was 29 years old at the time of his appointment as Chief Minister, his presence breathed a new dynamic into the politics of the state. The relationship with the Sultan was immediately repaired. Najib Razak was well received by the Sultan of Pahang who considered him as his own son. The office of Chief Minister which represented the public was once again respected by the Palace.’ (Chamil Wariya, 2009: 15)

Kedudukan Najib sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar ke sebelas memudahkan lagi hubungan dengan istana, dimana beliau juga dalam pada masa sama turut memastikan hubungan baik dengan pemimpin masyarakat setempat (Berita Harian Keluaran Khas, 3 April 2009:7).

Najib juga selain dari berjaya mengukuhkan hubungan dengan pihak Istana, beliau telah berjaya menyatu padukan para pemimpin negeri yang saling bertelingkah dalam konteks pewilayahan di antara Pahang timur dan barat, dimana Pahang timur mewakili kawasan Kuantan, Pekan dan Rompin sementara Pahang barat pula merangkumi kawasan Kuala Lipis, Raub, Temerloh dan Bentong. Menurut pandangan Dato’ Faisal Abdullah yang merupakan bekas Setiausaha UMNO Pahang, Najib Razak yang dilahirkan di Kuala Lipis, dan berakar umbi kekuatan politiknya di Pekan telah berjaya menampilkan diri sebagai

pilihan bagi kedua-dua timur dan barat Pahang yang menganggap Najib Razak sebagai salah seorang pemimpin kawasan mereka, dan dengan itu, kestabilan berjaya dibina di antara ahli-ahli politik dari kedua-dua bahagian Pahang (Chamil Wariya, 2009: 17).

2.1.3 Penglibatan Najib Razak Dalam Pilihanraya

Fasa pertamanya adalah merangkumi fasa yang bermula sejak pilihanraya kecil kawasan Pekan yang berlangsung pada 1976 hinggalah keputusan pilihanraya umum 1999 di ketahui; dan fasa kedua adalah fasa kesedaran dan tranformasi politik, iaitu pasca pilihanraya umum 1999. Fasa pertama, bermula pada 21 Februari 1976, dengan permulaan sebagai ahli politik dan juga wakil rakyat termuda bukan sahaja mewakili Pekan tetapi rekodnya masih tidak dapat dicabar sesiapa hingga kini, maka dalam usia 22 tahun 7 bulan, Najib Razak pada asasnya telah menjadi satu ikon dan mencetuskan satu fenomena dan referendum terhadap kepuasan hati masyarakat Pekan dan juga hasrat masyarakat Malaysia untuk melahirkan rasa sanjungan terhadap kualiti kepimpinan ayahandanya, Tun Abdul Razak yang mewakili kawasan tersebut dan juga Perdana Menteri yang disanjung. (Chamil Wariya, 2006)

Fasa keduanya, ujian pada pilihanraya umum 1999, yang menyaksikan kemerosotan ketara undi dan majoriti yang memenangkan Najib Razak. Selama ini, Najib Razak menang dengan selasa, tetapi tragedi politik 1999 membuatkan Najib Razak dapat disedarkan dan membina peradaban politik yang jauh lebih unggul dari sebelumnya. (Chamil Wariya, 2006)

2.2 Survival Penglibatan Najib Razak Dalam Parti UMNO

Penglibatan Najib Razak dalam dunia politik bermula selepas kemangkatan bapanya secara mengejut pada 14 Januari 1976 akibat penyakit leukemia. Pilihan Raya Kecil (PRK) Pekan diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi parlimen tersebut selepas kematian Tun Abdul Razak Hussien. Najib Razak pada ketika itu baru berusia 23 tahun dianggap terlalu mentah untuk dunia politik apatahlagi untuk mengambil alih kedudukan bapanya sebagai Ahli Parlimen. Ternyata Najib Razak mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi mewarisi ketokohan bapanya apabila Najib Razak yang dipilih untuk menjadi calon PRK di Parlimen Pekan, akhirnya menang tanpa bertanding sekaligus mencatat sejarah sebagai ahli parlimen termuda ketika itu. (Chamil Wariya, 2006)

Sejak itu satu demi satu jawatan mula disandang oleh Najib Razak. Pada tahun 1978 ketika berusia 25 tahun, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Sekali lagi ianya menyaksikan Najib Razak mencatat sejarah sebagai timbalan menteri paling muda dan kemudiannya beliau menjadi Menteri Besar paling muda dalam sejarah negara apabila dilantik sebagai Menteri Besar Pahang ketika berusia 29 tahun pada tahun 1982 sehingga 1986. Antara jawatan yang pernah disandang beliau bagi mengukuhkan lagi potfolionya adalah jawatan sebagai Timbalan Menteri Pendidikan pada tahun 1980-1981, Timbalan Menteri Kewangan (1981-1982), Kementerian Belia dan Sukan|Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan (1986-1987), Menteri Pertahanan (1990-1995, 1999-2008) dan Menteri Pendidikan (1995-1999).

Di dalam UMNO pula, Najib Razak diberi kepercayaan apabila dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pekan dan ahli EXCO Pemuda UMNO pada 1976. Kemudian Najib Razak dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO mulai tahun 1981. Pada tahun 1982, Najib memenangi kerusi Naib Ketua Pemuda UMNO tanpa bertanding setelah Datuk Mokhtar Hashim mengosongkan jawatan itu. Pada tahun 1987, Najib Razak diumumkan sebagai Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO oleh Anwar Ibrahim setelah Anwar didesak untuk bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

Setelah UMNO ditubuhkan semula selepas diharamkan, Najib Razak dilantik menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada 25 Mei 1988. Pada tahun 1993 pula, Najib Razak bertanding jawatan Naib Presiden UMNO, ekoran langkah Anwar untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO. Najib Razak terus mempertahankan jawatan Naib Presiden dalam pemilihan parti pada tahun 1993, 1996 dan 2000. Pada 7 Januari 2004, Najib Razak diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan setelah Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) pada tahun 2008, Najib Razak diberi mandate sekali lagi untuk bertanding di parlimen Pekan yang membawa kemenangan dan mendapat undi sebanyak 36,262. Pada tahun 2009 setelah pergolakan kepimpinan Pak Lah berlaku, Najib Razak di angkat untuk memegang jawatan sebagai Perdana Menteri. (Chamil Wariya, 2009)

2.2.1 Gaya Najib Razak berpolitik Dalam UMNO

Perhitungan politik Najib Razak yang berpegang kepada ‘setia kepada ketua’ menunjukkan betapa keperibadian dan tradisi Melayu bersemadi dalam diri dan kepimpinan beliau. Najib Razak merupakan pemimpin politik yang berprinsip iaitu mengutamakan kesetiaan kepada pemimpin dan parti serta kerajaan. Atas prinsip tersebut, Najib Razak bijak mengatur langkah serta dalam setiap pertandingan serta konflik dalaman parti mahupun kerajaan, Najib Razak menjadi pilihan untuk terpilih mendaki hirarki UMNO dari seorang ahli biasa hingga menjadi exco dan Naib Ketua dalam pergerakan pemuda dan seterusnya mengetuai pergerakan tersebut, serta terpilih kemudiaannya sebagai Naib Presiden, Timbalan serta kemudiaannya pada 2009 dilantik ke jawatan Presiden UMNO pada Mac 2009 yang melayakkan beliau ke jawatan Perdana Menteri keenam pada 4 April 2009. Dalam setiap pertandingan dan pergolakan dalaman parti serta kerajaan, Najib Razak dalam usia muda dapat mencari keseimbangan politik yang terbaik dalam sejarah politik di mana Najib Razak mengutamakan institusi lebih dari segalanya. (Chamil Wariya, 2009)

2.2.2 Peranan Najib Razak Semasa Krisis Perpecahan UMNO 1987

Pertandingan dalam pemilihan UMNO 1987 menyaksikan satu kebijaksanaan Najib dimana dengan percaturan yang bijak, catatan Chamil Wariya (2008: 81) menunjukkan wujud tanggapan kedua-dua pihak yang saling bertentangan dalam UMNO dianggap sebagai penyokong mereka. Dalam konteks ini, Najib Razak yang berusia 34 tahun pada ketika itu, dengan pengalaman politik baru 11 tahun telah dianggap penting kepada

percaturan strategi dan masa hadapan masing-masing kumpulan politik dalam UMNO sama ada kumpulan *establishment* mahupun yang *anti-establishment*. Akhirnya Najib Razak ‘terselamat’ dari badai pergolakan, dimana secara percaturannya, Najib tetap dianggap sahabat kepada masing-masing kumpulan. Najib Razak seolah ikon berpengaruh sebagai penyatu kepada dua kumpulan politik yang saling berseteru.

Dalam pergelutan pemilihan UMNO pada 1987, dengan kewujudan secara besar-besaran kepuakan dalam UMNO untuk bertembung antara satu sama lain, dan terbinanya kumpulan yang menyokong kepimpinan sedia ada, iaitu mempertahankan kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO, serta kumpulan yang menentang kepimpinan sedia ada. Akhirnya pertarungan pelbagai jawatan dalam UMNO termasuklah mempertandingkan jawatan Presiden menyaksikan wujudnya kumpulan politik dalam UMNO sendiri secara nyata yang bernaung dibawah sama ada *Team A* mahupun *Team B*. UMNO terpecah dua, dimana Dr. Mahathir yang mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden telah memimpin *Team A* dan Tengku Razaleigh Hamzah pula mengetuai *Team B* dengan matlamat untuk menewaskan Dr. Mahathir (Chamil Wariya, 2008: 80). Para pemimpin UMNO diperingkat yang lebih bawah turut mengambil pendirian berpihak, sama ada menyokong Dr. Mahathir mahupun Tengku Razaleigh secara terbuka (Chamil Wariya, 2008: 80).

Asas perkiranya Najib Razak seperti dinyatakan Chamil Wariya (2008: 81) disebabkan oleh perkiranya ‘tersepitnya’ Najib Razak di antara dua tokoh yang masing-masing berperanan penting sebagai mentor dalam kerjaya politiknya. Ini kerana, Tengku

Razaleigh dan Dr. Mahathir adalah ‘mentee’ atau anak didik dan rakan rapat kepada Tun Razak sendiri. Atas asas pertarungan antara ‘mentee’ yang mana menganggap Tun Abdul Razak sebagai mentor politik mereka, maka, Najib Razak yang pada asasnya di atas nama baik keluarganya telah begitu ‘disayangi’ oleh tokoh-tokoh politik dalam UMNO itu sendiri. Krisis yang berlaku dan sokongan Najib Razak kepada Presiden parti Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membawa beliau sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan terus menyandang jawatan berkenaan sehingga pemilihan agung parti pada 1993.

2.2.3 Perpecahan Dalam UMNO Dan Wujudnya “Team Wawasan”

Dalam pertandingan yang diadakan pada pemilihan agung UMNO 1993, Najib telah memilih untuk tidak mempertahankan jawatan Ketua Pemuda UMNO yang disandangnya sejak 1988 apabila UMNO (Baru) ditubuhkan bagi meneruskan perjuangan UMNO yang telah diharamkan oleh Mahkamah akibat pertembungan politik dalaman parti, dan beralih bagi bertanding jawatan Naib Presiden UMNO setelah berlakunya kekosongan bagi kerusi tersebut akibat tindakan Anwar Ibrahim yang memutuskan untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO melawan Tun Abdul Ghafar Baba (Chamil Wariya, 2007: 33). Chamil Wariya (2009: 103) menyatakan bahawa kekuatan Najib telah turut digunakan dalam mendapatkan sokongan menewaskan para pencabar Anwar dalam UMNO. Najib dalam pemilihan 1993 tersebut telah berjaya melonjakkan dirinya sebagai Naib Presiden UMNO yang baru iaitu selepas lima tahun memimpin pergerakan pemuda, dimana menurut Chamil Wariya (2007: 65) ramai pemerhati politik menyatakan bahawa dengan

kekuatan Najib Razak, jika sekiranya beliau bertindak untuk tidak menyertai kumpulan Wawasan, Najib Razak tetap akan dipilih para perwakilan UMNO.

2.2.4 Najib Razak Semasa Krisis Pemecatan Anwar Ibrahim Dari UMNO Dan Kerajaan

Pada 1 September 1998, Anwar digugurkan dari jawatan Timbalan Perdana Menteri yang juga mengakibatkan juga gugurnya jawatan Timbalan Presiden UMNO yang disandang beliau. Negara berhadapan bukan sahaja kemelut krisis matawang dan kewangan yang melanda sejak Julai 1997, kini negara berhadapan pula ancaman dan gugatan ke atas kestabilan politik apabila reformasi yang dilaungkan Anwar setelah dipecat dari kerajaan dan UMNO serta Barisan Nasional telah mula membangkitkan demonstrasi jalanan. UMNO serta Barisan Nasional telah dibadaai hakisan sokongan pengundi Melayu yang dilihat kontra terhadap parti pemerintah. Ini juga mengakibatkan Najib Razak di kawasan Pekan yang mempunyai lebih 90 peratus pengundi Melayu hanya mampu menang dengan majoriti tipis sebanyak 241 undi sahaja. (Ismail Noor: 2009)

Bagi Najib, sokongan dan kesetiaan kepada parti dan ketuanya amatlah menjadi keutamaan buat beliau. Pernyataan Najib Razak bahawa, *“When the dismissal occurred in 1998, we all had to take a stand. I made my commitment, and he (Anwar) made his decision independent of each other. I decided to stick it out with the government”* (The Sun; Chamil Wariya, 2007: 67). Pada ketika inilah, maka ada andaian bahawa Najib Razak akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri menggantikan Anwar, memandangkan

kedudukan Najib Razak yang merupakan Naib Presiden UMNO yang paling kanan di mana Najib Razak adalah pemenang bagi jawatan Naib Presiden parti dengan undi tertinggi berbanding dua Naib Presiden lainnya termasuk Tun Abdullah Ahmad Badawi. Tun Dr. Mahathir memilih Tun Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri, namun Najib Razak tetap setia kepada Presiden serta parti dan kerajaan. (Chamil Wariya, 2006)

2.2.5 Najib Razak Berhadapan Dilema Desakan Supaya Pak Lah Berundur

Apabila sahaja Tun Dr. Mahathir melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO serta Pengerusi Barisan Nasional, maka Tun Abdullah Ahmad Badawi telah dipilih sebagai Perdana Menteri. Najib Razak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, apatah lagi Najib Razak merupakan Naib Presiden UMNO yang berpengalaman, dan Najib Razak kemudiannya dipilih Tun Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri termasuk sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (Chamil Wariya, 2006). Pada pilihanraya umum 2004, Barisan Nasional pimpinan Tun Abdullah digandingkan dengan Najib Razak sebagai Timbalan menang besar dan mencatat sejarah penting negara apabila Barisan Nasional memenangi lebih 90 peratus kerusi Dewan Rakyat serta berjaya merampas kembali Terengganu dari Pas, dan hanya terlepas dua kerusi untuk memenangi semula Kelantan dari pimpinan Pas pada pilihanraya pertama pasca 22 tahun pentadbiran Tun Dr. Mahathir. (Chamil Wariya, 2006) Namun, kejayaan gemilang PRU 11 tidak berkekalan apabila berlakunya tsunami politik pada PRU 12 pada Mac 2008 di mana Barisan Nasional pimpinan Tun Abdullah telah kehilangan mandat dua pertiga di Dewan Rakyat, serta kehilangan Kedah, Pulau Pinang, Perak

(kembali kepada Barisan Nasional pada 5 Februari 2009), Selangor serta hanya berjaya mengekalkan satu kerusi Dewan Rakyat bagi Kuala Lumpur dan gagal menawan semula Kelantan. (Chamil Wariya, 2006)

Dalam menghadapi kemelut pasca pilihanraya umum ke 12 pada Mac 2008, yang menyaksikan buat pertama kali sejak penubuhan Barisan Nasional (BN), telah kehilangan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat dan natijahnya, Datuk Seri Abdullah yang pada masa itu adalah Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO serta Pengerusi BN telah ada suara supaya berundur dari jawatan yang disandang. Namun, bagi Najib Razak, kesetiaan pada ketua dan parti serta kerajaan adalah penting dan beliau tidak mengambil kesempatan tersebut untuk mendesak pengunduran Perdana Menteri secara terbuka, dan terus menyatakan sokongan beliau kepada Abdullah selaku pemimpin. (Chamil Wariya, 2009)

2.3 Ulasan Survival Penglibatan Najib Razak Dalam Dunia Politik Dan Kepimpinan

Dalam langkah politik Najib Razak sebagai ahli politik aktif, dua aspek utama yang signifikan dalam memainkan peranan peradaban politik Najib Razak yang perlu diberikan perhatian ialah;

Pertamanya, kawasan yang ditandingi atau diwakili, iaitu kawasan Pekan yang juga merupakan kawasan secara turun temurunnya diwarisi oleh keluarga Najib Razak sendiri dan menyandang gelaran Orang Kaya Indera Shahbandar ke sebelas dari keturunan putera

raja Bugis dari Makasar. Pada masa sama juga, dalam persekitaran politik moden kini, selain berjawatan tradisi bergelar, keturunannya bukan sahaja berpegang kepada asas tradisi tersebut semata, namun apa yang uniknya mereka mampu mengadaptasikan asas tradisi ini dalam konteks politik moden dan terus dijiwai Najib Razak hingga kini dan melahirkan perwatakan aristokrat moden yang walaupun masih kukuh pegangan tradisinya tetapi turut sama mendokong dan terlibat aktif dalam sistem demokrasi, dan inilah cetusan Tun Abdul Razak Dato' Hussein dan Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang turut menjadi ahli legislatif serta memainkan peranan aktif di medan nasional sehingga berjaya ke persada kuasa eksekutif tertinggi parti dan negara, maka inilah gaya 'polaristokrat' dan 'legaristokrat'. Julungkalinya juga keluarga bangsawan yang bergelar mampu bertahan dalam arena politik yang serba moden ini dan bertahan hingga kini (Md. Shukri: 2010)

Asas keduanya ialah faktor parti yang diwakili, iaitu UMNO dan Barisan Nasional jelas membawa Najib Razak dan masa depan politik yang gemilang; dan ketiganya adalah tahap sokongan rakyat dan pengundi dikawasan yang diwakili. Dalam perbincangan mengenai peradaban politik Najib Razak yang dibina berasaskan kepada kedudukannya sebagai 'polaristokrat' dan 'legaristokrat', maka kawasan Pekan yang diwakilinya memberikan dimensi ujian serta tanggapan umum yang bersifat khusus dalam rekod khidmat dan pimpinan beliau kepada kawasan Pekan itu sendiri. (Khairil Annas, J: 2011)

2.3.1 Najib Razak Dalam Demokrasi Pilihanraya: Fasa Pilihanraya Kecil 1976 Hingga Pilihanraya Umum November 1999.

Dalam membincangkan kedudukan politik Najib Razak yang semestinya bergantung kepada sokongan rakyat di kawasan yang diwakilinya, iaitu kawasan Pekan, maka wujud dua fasa pergerakan susunatur politik yang signifikan kepada Najib Razak yang ditunjukkan oleh para pengundi dikawasan tersebut. Fasa pertamanya adalah merangkumi fasa yang bermula sejak pilihanraya kecil kawasan Pekan yang berlangsung pada 1976 hinggalah keputusan pilihanraya umum 1999 di ketahui; dan fasa kedua adalah fasa kesedaran dan tranformasi politik, iaitu pasca pilihanraya umum 1999. (Khairil Annas, J: 2011)

Fasa pertama, bermula pada 21 Februari 1976, dengan permulaan sebagai ahli politik dan juga wakil rakyat termuda bukan sahaja mewakili Pekan tetapi rekodnya masih tidak dapat dicabar sesiapa hingga kini, maka dalam usia 22 tahun 7 bulan, Najib Razak pada asasnya telah menjadi satu ikon dan mencetuskan satu fenomena dan referendum terhadap kepuasan hati masyarakat Pekan dan juga hasrat masyarakat Malaysia untuk melahirkan rasa sanjungan terhadap kualiti kepimpinan ayahandanya, Tun Abdul Razak yang mewakili kawasan tersebut dan juga Perdana Menteri yang disanjung. Najib Razak menjadi satu 'hadiah' buat jasa Tun Abdul Razak, dan dengan itu menunjukkan bahawa cabaran Najib Razak jauh lebih besar walaupun menang tanpa bertanding atas asas kesepakatan politik yang besar di bawah payung Barisan Nasional, maka Najib Razak sedar bahawa kualiti Tun Abdul Razak harus dijagai dan diteruskan beliau. (Khairil Annas, J: 2011)

Fasa keduanya, ujian pada pilihanraya umum 1999, yang menyaksikan kemerosotan ketara undi dan majoriti yang memenangkan Najib Razak. Selama ini, Najib Razak menang dengan selasa, tetapi tragedi politik 1999 membuatkan Najib Razak dapat disedarkan dan membina peradaban politik yang jauh lebih unggul dari sebelumnya. (Khairil Annas, J: 2011)

Jika dilihat huruf N pada pangkal nama bagi Najib Razak, maka penulis telah menjana satu model keputusan pilihanraya yang disamakan dengan keluk 'N' yang menunjukkan betapa pada 1976 Najib Razak melangkah drastik secara menuncak ke persada politik, dan dengan kemenangan tanpa bertanding pada plihanraya pertamanya, ia diibaratkan sebagai satu 'perlantikan' khas oleh rakyat kawasan Pekan, yang turut sama direstui UMNO dan Barisan Nasional bersama segenap lapisan rakyat, hinggakan kedudukan Najib yang masih muda tidak perlu berhadapan dengan kesukaran menghadapi pilihanraya yang kebiasaanya dilalui oleh bakal-bakal wakil rakyat lainnya. (Khairil Annas, J: 2011). Namun, pada 1999, menjunamnya graf sokongan rakyat kawasan Pekan kepada Najib Razak yang mewakili UMNO dan Barisan Nasional telah membuka fasa kesedaran dalam pendakian kerjaya politik Najib Razak untuk melakukan tranformasi hingga meninggalkan kesan positif pada pilihanraya selepasnya iaitu pada 2004 dan 2008. Gaya berpolitik Najib Razak jelas ada keajaibannya dan ini dapat membantu Umno dan BN untuk bangun dengan drastik dari badai tsunami politik 2008 (Md. Shukri Shuib, September 2009: 65).

Pada pilihanraya umum kesepuluh pada 29 November 1999, Najib Razak yang pada ketika itu merupakan Naib Presiden UMNO serta merupakan menteri kabinet telah hanya bertahan di kerusi yang sekian lama ayahanda dan beliau sendiri wakili dengan kelebihan 241 undi. Ini adalah merupakan satu fenomena politik yang tidak pernah ditempuhi Najib Razak dalam menghadapi keputusan pilihanraya sebelum-sebelumnya. Kemenangan tipis yang diperolehi Najib Razak tersebut telah menyelamatkan kerjaya politik beliau, di mana ia membolehkan Najib Razak terus kekal sebagai anggota kabinet, dan seterusnya terus diterima perwakilan UMNO untuk terus menyandang jawatan Naib Presiden UMNO dengan undi tertinggi pada pemilihan parti pada tahun 2000. (Khairil Annas, J: 2011)

Dari segi data sokongan rakyat yang diwakili beliau di kawasan Pekan, walaupun pada 1999 jelas kelihatan susutan sokongan terhadap Najib Razak jelas ketara dengan hanya kelebihan 241 undi iaitu susutan sebanyak 43 kali ganda atau 4,300 peratus dari majoriti pilihanraya umum 1995 sebanyak 10,793 undi. Najib Razak dilihat mudah bermuhasabah diri dan tidak menyalahkan rakyat di kawasan Pekan, wawancara beliau dengan akhbar *The Sun* dapat memetik pemerhatian dan pengamatan beliau terhadap peristiwa pilihanraya 1999 yang menjadi pedoman beliau. Najib Razak menganalisa keputusan tersebut dengan katanya:-

“At that time, Malay voters were angry with us. My constituency is 92 percent Malay, about the same as a Malay in Kelantan and Terengganu. It’s not just at the east coast, but also the west coast such as Shah Alam and Gombak that reacted the same, where the huge majority we won previously were very much reduced. There is a clear movement against us (UMNO) and Pekan was no

exception. I was also very much part of the affairs of the nation as Education Minister at that time. I spent too little time in my constituency because I became complacent that there was no threat. I intend to spend more time managing my ministry – a huge ministry with its challenges. And I will delegate responsibilities to others.” (Chamil Wariya, 2007: 69)

Najib Razak pada 1999 walaupun mengalami susutan yang amat tragis, namun beliau adalah merupakan antara empat tokoh pemimpin yang mewakili UMNO dan BN yang berjaya menang di kawasan lebih 90 peratus Melayu sementara 21 kerusi kawasan 90 peratus pengundi Melayu telah jatuh ke pihak pembangkang sama ada Pas mahupun Keadilan. Namun, pada pilihanraya 21 Mac 2004, Najib Razak yang dalam kesibukan tanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri telah berjaya memenangi semula sokongan rakyat di Pekan dengan kelebihan majoriti sebanyak 22,922 undi iaitu peningkatan sebanyak 22,681 undi atau 95 kali ganda dari perolehan majoriti pada pilihanraya sebelumnya. Rekod peningkatan majoriti ini terus dipertahankan Najib apabila pada pilihanraya 8 Mac 2008, Najib Razak memenangi kawasan Pekan dengan kelebihan 26,464 undi, iaitu pertambahan majoriti sebanyak 3,783 undi dari pilihanraya sebelumnya, iaitu kejayaan menambah bilangan majoriti dan merupakan wakil rakyat ketiga tertinggi bilangan majoriti yang diperolehi walaupun suasana politik negara pada pilihanraya 2008 jelas memperlihatkan susutan undi buat Barisan Nasional (Padilah Haji Ali, Dewan Masyarakat edisi khas PRU 12: 33).

2.3.2 Najib Sebagai Aristokrat dan Legislator

Terdapat dua peristiwa penting yang membawa Najib Razak melangkah ke alam kepimpinan, iaitu pertamanya, dilantik mewarisi gelaran tradisi sebagai pembesar bagi kesultanan Pahang oleh Sultan Pahang, dan ini adalah merupakan 'restu istana' pada Najib Razak untuk memimpin; dan keduanya, adalah menerusi 'pelantikan politik' bersama 'restu rakyat' kawasan Pekan yang mahukan Najib Razak dilantik sebagai wakil kepada mereka di medan legislatif negara menerusi medan demokrasi. Ini bermakna kerjaya kepimpinan Najib Razak adalah berasaskan percaturan tradisi dan moden. (Khairil Annas, J: 2011)

Dalam konteks ini, Tun Abdul Razak Dato' Hussein dan Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang kedua-duanya adalah juga aristokrat dan ahli politik yang berjaya ke dewan legislatif dan menjadi menteri serta Perdana Menteri telah mencatatkan sejarah betapa pembesar tradisi kawasan Pekan telah berjaya memodenisasikan pendekatan mereka untuk mengadaptasi dunia moden dan membina persada kuasa yang mampu berperanan jauh lebih besar dari warisan yang disandang mereka.

Sebelum Najib melangkah ke alam politik secara aktif, sejarah mencatatkan bahawa selepas Tun Abdul Razak Dato' Hussein meninggal dunia, maka secara pewarisannya, D.Y.M.M Tuanku Sultan Pahang telah melantik Najib yang merupakan anak sulung dari lima bersaudara anakanda kepada Allahyarham Tun Abdul Razak yang juga secara warisan menyandang jawatan aristokrat tradisi sebagai Orang Kaya Indra Shahbandar dengan pemakaian gelaran Datuk Sri. (Khairil Annas, J: 2011)

2.3.3 Konsep Najibpoleristokrat

Menurut Md Shukri Shuib (2012) istilah Polaristokrat terbit dari cantuman dua perkataan iaitu politik dan aristokrat yang membawa definisi iaitu ahli politik yang turut sama merupakan penyandang jawatan pewarisan tradisi, dan istilah legaristokrat pula terbit dari gabungan dua perkataan legislatif dan aristokrat yang bermaksud ahli politik yang merupakan juga penyandang gelaran tradisi tetapi berjaya diangkat sebagai ahli legislatif, dan dalam maksud ini membawa erti seseorang itu sama ada ahli legislatif di peringkat negeri mahupun persekutuan. Dalam kategori ini, Najib Razak berlainan cirinya berbanding aristokrat lainnya walaupun bukan dari kalangan kerabat diraja, tetapi ianya unik apabila ia turut sama merupakan pembesar bagi sesuatu daerah atau kawasan (dalam konteks ini, Najib Razak mewakili kawasan Pekan sebagai pembesar), dan pada masa sama terlibat aktif dalam konteks politik moden. Najib Razak diterima sebagai ahli legislatif bagi kawasan tradisi tersebut.

Menurut Md Shukri Shuib (2012) istilah Najibpoleristokrat ini dilihat mampu menerangkan secara lebih komprehensif akan peranan dan ketokohan serta keunikan sejarah dan warisan serta perjuangan Najib Razak dulu dan kini. Istilah yang berakar umbi dari kata nama Najib Razak itu sendiri yang digabungkan bersama perkataan politik dan legislatif, yakni atas asas Najib Razak sebagai ahli politik dan ahli dewan legislatif yang terpilih secara demokrasi dengan perkataan aristokrat yang mengambil kira kedudukan bangsawan Melayu yang dipegang secara tradisi oleh Najib Razak secara turun temurun mewakili kawasan atau daerah kekuasaan iaitu Pekan sebagai pembesar Melayu di Istana Pahang.

2.3.4 Najib Razak Dan Politik Moden

Langkah permulaan Najib Razak untuk dibawa ke medan politik dilihat atas faktor jasa dan nama baik Tun Abdul Razak, namun tidak semestinya Najib Razak tidak melalui cabaran politik dan percaturan kuasa. Bagi menghadapi pilihanraya kecil 1976, pada awalnya menurut Chamil Wariya (2007:14), terdapat cadangan supaya Anwar Jusoh iaitu setiausaha politik Tun Abdul Razak bagi diletakkan sebagai calon bagi menghadapi pilihanraya kecil tersebut. Anwar selain dari akrabnya dengan Tun Abdul Razak sebagai setiausaha politik juga merupakan adik kepada Menteri Besar Pahang pada ketika itu, iaitu Datuk Mohamad Jusoh yang merupakan ipar kepada Tun Abdul Razak sendiri. Anwar dicadangkan atas sebab akrabnya dengan Tun Abdul Razak serta pada masa sama lebih senior dan berpengalaman berbanding Najib Razak (Chamil Wariya, 2007: 14).

Menurut Abdullah Ahmad (Utusan Malaysia, edisi peralihan kuasa, 3 April 2009:20) menyatakan bahawa UMNO Bahagian Pekan sendiri telah memilih individu selain Najib untuk bertanding, dan dipersetujui oleh UMNO Pahang, namun atas sentimen dan peranan oleh penasihat-penasihat Tun Abdul Razak iaitu Abdullah Majid, Khalil Akasah dan Abdullah Ahmad yang tidak bersetuju dengan pilihan calon dikemukakan UMNO bahagian Pekan dan UMNO Pahang, maka perjumpaan dengan Tun Hussein Onn yang merupakan Perdana Menteri dan pemangku Presiden UMNO telah diadakan secara berasingan dan mencadangkan nama Najib Razak sebagai calon pilihanraya kecil yang berlangsung pada 21 Februari 1976 dengan mendapat sokongan dari cawangan-cawangan UMNO di kawasan Pekan dengan mudahnya. Selain itu, peranan Almarhum Tengku Ariff Bendahara Pahang, Tengku Ibrahim Sultan Abu Bakar, Tengku Razaleigh Hamzah serta

beberapa ahli Majlis Tertinggi UMNO pada masa itu turut memberikan sokongan padu kepada Najib Razak untuk menjejakkan kaki ke arena politik (Abdullah Ahmad, 3 April 2009:20).

2.4 Kepimpinan Najib Razak Dari Sudut Model Pendekatan Kepimpinan Pragmatis

Gaya kepimpinan seseorang mencerminkan tingkahlaku serta pembuatan keputusan seseorang pemimpin. Ku Hasnan Ku Halim menyatakan bahawa sesebuah negara yang memiliki kepimpinan yang berkesan lebih mudah melalui proses pembangunannya. Keberkesanan kepimpinan ini adalah merujuk kepada kebolehan seseorang pemimpin itu meningkatkan keupayaan memerintah (*government capability*) kerajaan yang diterajuinya dan juga mewujudkan persekitaran politik yang *compatible process* dalam pelaksanaan dasar pembangunan sesebuah negara itu. (Ku Hasnan Ku Halim:_) Menurut R.A.W. Rhodes and Paul 'thart (2014) gaya kepimpinan juga boleh mempengaruhi apa yang pemimpin-pemimpin politik lakukan. Pengaruh serta kepercayaan politik secara langsung boleh memberi kesan terhadap gaya kepimpinan dan corak kepimpinan. Sebagai contoh bagaimana pemimpin berinteraksi dengan orang-orang dia mengetuai dan bagaimana ia bertindak apabila mewakili orang-orang yang dipimpin. (R.A.W.Rhodes And Paul 'thart: 2014)

Melihat dari teori-teori kepimpinan yang ada, kajian ini akan memfokuskan kepada gaya kepimpinan pragmatis. Pemimpin pragmatis adalah pemimpin yang berpikiran praktikal. Mereka memberi tumpuan kepada proses di sebalik apa-apa tugas, inisiatif, atau matlamat.

keutamaan mereka adalah untuk memikirkan bagaimana pasukan melaksanakan sesuatu perkara dengan berkesan. Menurut Manap Solihat dalam artikelnya yang bertajuk *Kepemimpinan Dan Gaya Komunikasi* menyatakan gaya pragmatis dikaitkan dengan pemikiran dan tindakan nontradisional dan progresif; dan gaya pensintesis dicerminkan dalam kaedah dialektik dan mempersembahkan gaya integrative. (Manap Solihat_)

Menurut Lutfan Jaes dan Abdul Rahman (2012) menyatakan bahawa Lee Kuan Yew melihat Najib Razak sebagai seorang pemimpin alaf baru yang mempunyai gaya yang lebih rasional dan pragmatik berbanding pemimpin lain. Najib Razak diperlihatkan sebagai seorang pemimpin yang jelas tentang keperluan dan kepentingan Negara dan tidak bersentimentkan emosi. Manakala Prof. Dr. A. Nidzammuddin (2017) menyatakan bahawa Najib Razak merupakan seorang pemimpin yang bertanggungjawab penuh pada 'subjeknya'. 'subjek' yang dimaksudkan itu ialah jawatan kementerian yang bergerak dibawah pimpinan dan naungan beliau. Sebagai contoh semasa menjawat jawatan sebagai MPM beliau telah mengubah struktur ATM selain dari melengkapkan pasukan itu dengan pelbagai teknologi berkelas dunia. Ekorannya ramai sarjana yang mula memperkatakan tentang kehebatan Kementerian Pertahanan dibawah pentadbiran beliau. (Kosmo: 2017)

2.5 Dasar Transformasi Dan Pembangunan Ekonomi

Sebagai seorang pemimpin, Najib Razak menjadi inspirasi kepada pengikutnya dan seluruh rakyat Malaysia untuk berusaha dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut Lukman Thaib (2014), Najib Razak adalah individu yang memenuhi ciri-ciri pemimpin

transformasi sebahagiannya untuk mengiktiraf keperluan, mencipta pandangan baharu dan menginstitusikan pembaharuan untuk saling meningkatkan tahap moral dan motivasi yang lebih tinggi. Selaras dengan definisi 'Membakar' kepimpinan transformasi sebagai satu proses di mana pemimpin dan pengikut terlibat dalam proses memajukan moral dan motivasi ke arah mencapai objektif yang diberikan, Najib Razak telah menunjukkan pelbagai visi untuk dilaksanakan oleh kerajaan pada keputusan penting. (Chin, J: 2010)

Hal ini dapat dilihat melalui ucapan Najib Razak dalam Perhimpunan Agung di mana beliau bertindak sebagai Presiden, Naib Presiden, Timbalan Presiden atau Ketua Pemuda parti terbesar di negara ini. Tidak kira kepimpinan negara, sama ada dalam BN, UMNO mahupun birokrasi pentadbiran, Najib Razak dilihat sebagai seorang pemimpin dan berwawasan yang boleh membuat keputusan secara objektif sebagai seorang pemimpin yang hebat. Oleh itu, sebagai pemimpin transformasi Najib Razak mampu meningkatkan moral dan mendorong minat yang lebih besar di kalangan pengikut untuk berpegang kepada prinsip dan nilai yang lebih tinggi. (Lukman Thaib: 2014)

Agenda transformasi dalam kepimpinan beliau terzahir dalam pengenalan konsep 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Politik (PTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Ekonomi Baru yang kesemuanya menjurus kepada mengubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Kesimpulannya, Najib Razak telah bertemu dengan teori Burns yang menjelaskan kewujudan empat kategori yang perlu ada dalam diri seseorang yang disifatkan sebagai pemimpin transformasi termasuk pemimpin intelektual yang mentransformasikan

masyarakat melalui wawasan yang jelas iaitu pemimpin pembaharuan yang mengubah masyarakat dengan menangani moral, dan pemimpin transformasi yang membuat perubahan dalam masyarakat melalui kepimpinan berkarisma.

2.6 Ulasan Kepimpinan Politik Najib Razak

Kejayaan Najib Razak mendaki hirarki politik dapat jelas dilihat menerusi ungkapan beliau sendiri pada 1984 menerusi satu wawancara yang menyatakan ‘saya bermula dari bawah, kalau orang suruh kita naik ikut tangga, saya sudah melalui cara itu’ (Kosmo, 3 April 2009: 29). Najib Razak hanya menawarkan diri untuk sesuatu kedudukan yang lebih tinggi apabila berlaku kekosongan dan benar-benar yakin (Kosmo, 3 April 2009: 29). Untuk itulah, gaya kepimpinannya membuatkan Najib Razak mendaki satu demi satu anak tangga dalam UMNO dan kerajaan tanpa masalah besar (Kosmo, 3 April 2009: 28). Malahan rekod perkhidmatan Najib Razak telah menunjukkan beliau adalah antara pemimpin yang mencatatkan rekod paling banyak menjalankan tugas sejak usia muda (Kosmo, 3 April 2009: 28). Pada 2004, beliau telah menyandang jawatan kedua tertinggi dalam negara sebagai Timbalan Perdana Menteri iaitu 47 tahun setelah bapanya dilantik ke jawatan yang sama.

Najib Razak yang berusia 56 ketika dilantik ke jawatan Perdana Menteri telah 33 tahun berkecimpung dalam politik dengan kepelbagaian dimensi pengalaman yang dilalui dalam pentadbiran kerajaan dan juga politik membuatkan Najib Razak dilihat sebagai seorang tokoh politik UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang bukan sahaja berpengaruh dan sesuai diletakkan ke jawatan tertinggi parti dan negara, malahan Najib Razak dilihat

seolah mengimbau kembali sejarah keluarganya dan juga negara apabila mengambil alih kepimpinan parti dan negara ketika saat berkrisis dan berhadapan situasi ketidaktentuan politik dan sokongan rakyat yang berbelah bahagi terhadap kerajaan pimpinan BN.

2.6.1 Tiga dekad pengalaman Najib Razak Sebagai Ahli Legislative Dan Eksekutif


Penyertaan Najib Razak ke dalam politik menerusi UMNO dan dengan kemenangan dalam setiap pilihanraya yang beliau serta mewakili UMNO dan BN pada pilihanraya kecil 1976, pilihanraya umum pada 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004, 2008, 2014 dan yang terkini pada 2018 dengan mewakili kawasan Pekan, telah melakarkan satu lembaran tugas yang cemerlang, iaitu bermula pada peringkat awalnya dari tahun 1978 hingga 1982 di peringkat pusat sebagai Timbalan Menteri dalam kabinet Tun Hussein Onn dengan tiga tugas berbeza, iaitu sebagai Timbalan Menteri Pelajaran dari 1978 hingga 1980, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (1980 – 1981) dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan (1981 – 1982), apabila sahaja Tun Dr. Mahathir mengetuai pilihanraya umum 1982, yang baru sahaja mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981.

Najib Razak telah dipindahkan untuk bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri Pahang bagi kawasan Bandar Pekan dan dilantik sebagai Menteri Besar Pahang sepenggal dari 1982 hingga 1986 dan kemudiannya dipilih semula sebagai ahli Dewan Rakyat yang melayakkan Najib Razak kembali aktif di peringkat persekutuan dan kini dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1986 – 1987), dan sebagai Menteri Belia dan

Sukan (1987 – 1990), Menteri Pertahanan (1990 – 1995 dan 1999 – 2008), Menteri Pendidikan (1995 – 1999) dan pada era peralihan kuasa yang diputuskan Abdullah dan Najib, maka sejak September 2008 hingga kini Najib Razak terus mengetuai Kementerian Kewangan disamping jawatannya sebagai Perdana Menteri. Najib Razak juga sejak Januari 2004 hingga 2 April 2009 telah memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Semasa menjalankan tugas sebagai Menteri Kabinet kepada dua Perdana Menteri, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, Najib telah berjaya menjalankan tugas dalam empat kategori bidang, iaitu membabitkan belia selama 4 tahun, pendidikan juga selama 4 tahun dan juga begitu dominan dalam menjalankan tugas pertahanan negara selama 14 tahun menerusi tiga kali pelantikan, kini terus mengemudi pentadbiran kewangan negara.



2.7 Kerangka Konsep



Rajah 1. 1: Kerangka Konsep Fundamental Kepimpinan Datuk Sri Najib Tun Haji Abdul Razak Dalam Strategi Pengurusan Negara

2.8 Rumusan Bab

Pengalaman luas Najib Razak selama lebih tiga dekad dalam pentadbiran negara membolehkan Najib Razak memahami geo-politik Malaysia secara meluas dan ini membantu beliau dalam proses mengemudi kepimpinan negara sebagai pemimpin tertinggi eksekutif negara. Justeru, kajian terhadap peradaban kepimpinan Najib Razak perlulah bukan sahaja melihat kepada kesenangan yang diperolehi, namun hakikat kepada perit getir perjuangannya sama ada yang bersifat individu mahupun bersifat kolektif haruslah turut sama mewarnai perwacanaan mengenai Najib Razak yang merupakan

produk peradaban politik Malaysia yang telah terbina sejak 1976 bersama mewarnai warna-warna politik negara.

Kepimpinan Najib Razak dibawah konsep Najibpoleristokrat dilihat merupakan satu kejayaan dan petanda kepada pembinaan proses ‘mentor-mentee’ dalam politik UMNO dan juga dilaksanakan oleh keseluruhan parti-parti politik Malaysia yang berakar umbi dari tradisi utuh yang bersifat abstrak dan klasik nilainya. Ini menunjukkan bahawa Najib Razak telah sedia pengalaman mengendalikan urusan kementerian yang membabitkan golongan sasar dari seawal usia kanak-kanak, hinggalah ke peringkat usia 40-an, serta juga dilihat berjaya mengendalikan urusan pendidikan yang turut sama merangkumi pendidikan sekolah rendah, menengah malahan membabitkan universiti di Malaysia.

Najib Razak telah berada ditempatnya paling strategik dalam menjadikannya seorang pemimpin yang sedia memahami asas kepada pembinaan negara, iaitu membabitkan elemen pertahanan menyeluruh sesebuah negara, dari segi pengurusan generasi hadapan bangsa dan negara hinggalah kepada pengendalian urusan membabitkan soal keselamatan dan pertahanan Malaysia. Najib Razak ibarat ‘jeneral politik’ yang sedia bertempur dengan segenap cabaran dan saingan di medan politik Malaysia.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan penekanan kepada pendekatan sejarah. Data akan dikumpul melalui kaedah data sekunder dan primer.

3.2 Rekabentuk Kajian Dan Persampelan

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif adalah sebuah payung yang memiliki teknik-teknik interpretif, dan ini diperjelaskan oleh John Van Maanen (1979) yang menjelaskan bahawa kaedah kualitatif ini dapat menggambarkan, menterjemahkan dan decode terhadap sesuatu fenomena yang berlaku dalam aktiviti sosial. Sharan B. Merriam (2009) pula memperjelaskan bahawa persoalan kajian seperti 'kenapakah' dan 'bagaimanakah' sesuatu fenomena itu berlaku adalah menjadi perkara yang dapat memperjelas dan membezakan di antara penyelidikan kualitatif dengan penyelidikan kuantitatif.

Kaedah penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah survey lebih berminat menjawab persoalan ‘apakah ia’, ‘berapa ramai’ dan ‘berapa banyak’ yang akan diterjemahkan dalam bentuk nombor (*numeric*). Manakala bagi penyelidikan kualitatif, ia lebih menjurus bagi memahami persoalan bagaimana responden menjelaskan dan menterjemahkan pengalaman mereka, bagaimana mereka membentuk dunia mereka dan apakah pengajaran yang diperolehi daripada pengalaman yang dilalui oleh setiap responden. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temubual separa-struktur.

Kaedah ini dipilih agar penyelidik dapat memperoleh maklumat secara mendalam (*in-depth*) dan menyeluruh (*comprehensive*) daripada responden. Hal ini disebutkan Sidek Mohd Noah (2003) bahawa soalan kaedah semi-struktur yang dikemukakan kepada responden adalah mengikut perancangan yang disusun dan dijadualkan dan dalam masa yang sama responden diberi kelonggaran atau bebas semasa memberi jawapan berbanding dengan kaedah temuduga berstruktur yang tidak memberikan kelonggaran kepada responden memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan. Kaedah membentuk soalan boleh diubahsuai dan cara mengemukakan soalan kepada responden juga adalah fleksibel. Melalui kaedah ini, pengkaji mampu mendapat maklumat lengkap serta pada masa yang sama, ia membolehkan pengkaji memiliki ruang untuk mendapatkan maklumat yang lain selain daripada perkara yang diperlukan. Ia secara langsung dapat membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih mendalam.

3.3 Pengumpulan Data

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji iaitu:

3.4 Data Primer

Untuk mendapatkan sumber primer ini, teknik temubual akan dilakukan. Selain itu rujukan kepada penulisan dan juga ucapan penting yang ditulis sendiri oleh Najib Razak akan diperolehi. Kajian ini juga akan menggunakan beberapa kaedah seperti temu bual yang berkaitan dengan objektif kajian. Kajian ini akan menggunakan teknik temubual. Satu siri temu bual (contoh: melalui bersemuka, telefon atau e-mel) akan dijalankan bagi tujuan;

- i). Mendapatkan data tambahan yang tidak diperolehi daripada dokumen-dokumen yang berkaitan atau sumber-sumber lain.
- ii). Mengesahkan maklumat atau apa-apa ketaksan yang terdapat dalam sumber-sumber yang berkaitan berhubung mengenai usaha Najib Razak mengenai pencapaian terhadap kepimpinan politik ekonomi di Malaysia. Responden untuk temuduga merangkumi pembuat dasar, pegawai kanan kerajaan, ahli politik, ahli akademik dan pakar-pakar dalam bidang kajian.

3.4.1 Sesi Temubual Langsung

Temubual akan dilaksanakan bagi menemubual informan-informan yang telah dikenalpasti yang mampu memberikan nilai tambah serta bukti dalam menyiapkan tesis kajian ini.

3.4.2 Teks Rasmi Ucapan Perdana Menteri

Penyelidik juga mendapatkan data primer melalui laporan rasmi Ucapan Perdana Menteri serta yang berkaitan dengan kajian khususnya mengenai tesis kajian ini. Antara Data Primer yang digunakanpakai adalah Teks Rasmi Ucapan Perdana Menteri d yang merupakan Dasar dan Pendirian Rasmi Kerajaan.

3.4.3 Laporan Rasmi

Laporan rasmi juga diolah dan disunting dari dapatan-dapatan rasmi dari dokumen-dokumen laporan rasmi seperti:

1. Hansard Parlimen
2. Laporan Anggaran Perbelanjaan
3. Laporan Audit Negara Malaysia
4. Laporan Ekonomi

3.5 Data Sekunder

Kajian menggunakan kaedah mengumpul data sekunder adalah melalui bahan-bahan bercetak atau tidak bercetak yang diterbitkan atau tidak diterbitkan seperti buku, jurnal, keratan akhbar, minit sidang parlimen, laman web rasmi Kerajaan, laporan-laporan bertulis daripada pihak berkuasa, majalah dan dokumentasi perundangan termasuklah kes-kes mahkamah.

3.6 Analisis Data

Data dan maklumat yang diperolehi, kesemuanya akan diproses dan dianalisa menggunakan analisis pelaporan (*descriptive analysis*). Informasi dan juga maklumat-maklumat yang di dapati dalam kaedah temu bual akan dikumpul serta kemudiannya disusun mengikut susunan tema isi (*thematic sequence*) dengan berpanduan kepada objektif dan persoalan kajian yang telah dirancang dan ditetapkan. Data serta dapatan penting akan dipersembahkan melalui penulisan yang turut disokong oleh fakta-fakta dan perbincangan secara komprehensif dan melibatkan maklumat dan fakta yang ditemui dalam temubual.

Selain itu, perbincangan dan analisa fakta akan dikaitkan dengan teori, konsep atau dapatan kajian daripada kajian yang pernah dijalankan sebelum ini bagi menguatkan analisis kajian tersebut. Bagi pendapat Merriam (2009) analisis data dalam kajian kualitatif adalah suatu proses untuk menjelaskan dan menterjemah data yang diperolehi pengkaji daripada bacaan dan pemerhatian yang dilakukan. Ia adalah satu proses untuk

menjawab persoalan kajian yang telah digariskan seperti kenapa sesuatu berlaku, bagaimana ia berlaku dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sesuatu keadaan.

3.7 Skop Dan Limitasi Kajian

Kajian fundamental kepimpinan Datuk Sri Najib Tun Haji Abdul Razak dalam strategi pengurusan negara memfokuskan kepada membincangkan aspek kepimpinan, personaliti dan peradaban politik yang dibawa dan diamalkan oleh Najib, jelas terdapat beberapa angkubah atau faktor asas yang membina peradaban politik Najib dalam situasi politik tanah air yang bermula sejak 1976 hingga akhirnya membawa beliau sebagai Presiden UMNO ketujuh, Pengerusi Barisan Nasional serta Perdana Menteri keenam bagi Malaysia pada April 2008 hingga Mei 2018. Namun, aspek kepimpinan yang dilaksanakan Najib Razak belum terdapat pengkajian secara menyeluruh terhadap pendekatan dan faktor-faktor dalam perbincangan mengenai Najib Razak sebagai aktor politik Malaysia. Antara kajian mengenai kepimpinan Najib Razak yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

A. Kajian Noor Amira Syazwani AR, Mohd Rozaimy R. & Sharifah Syahirah SS. (2012) dalam *Persepsi Golongan Belia mengenai Personaliti, Pentadbiran dan Dasar Najib Tun Razak*. Kajian ini hanya memfokuskan kepada persepsi golongan belia pada masa itu terhadap pentadbiran Datuk Sri Najib Tun Haji Abdul Razak. Hasil kajian mendapati majoriti belia memberikan pandangan positif Najib Tun Razak yang telah menyediakan banyak peluang pendidikan kepada belia, peluang pekerjaan, dan mengurus tadbir ekonomi negara dengan baik sekali. Walaubagaimanapun, majoriti belia

memberikan pandangan negatif terhadap Najib Tun Razak mengenai tugasnya menangani rasuah, kroni, dan nepotisma dan juga mengawal harga barangan di negara ini.

B. Kajian oleh Mazlan Abu Bakar, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Aminnudin Saimon (2021) dalam *Ideologi Kepemimpinan dalam Ucapan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak*. Kajian ini memfokuskan kaedah pemimpin negara menggunakan wacana dalam keberkesanan proses kepemimpinannya. Kajian ini menganalisis teks perutusan kemerdekaan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sempena hari kemerdekaan kali ke-59 (2016). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Teori analisis wacana kritis Fairclough diterapkan dalam kajian ini untuk menjelaskan hubungan kuasa dan melihat perkaitan praktikal dalam konteks ekonomi, sosial, budaya dan politik.

C. Kajian oleh Rusdi Omar dan Mas Juliana Mukhtaruddin (2010) dalam *Dasar luar Malaysia era Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak: Keutamaan dalam aspek hubungan dua hala*. Kajian ini memfokuskan Dasar luar Malaysia secara umumnya merupakan lanjutan daripada dasar dalam negeri. Dasar ini dibentuk untuk memelihara dan mempertahankan kepentingan politik, keselamatan dan ekonomi serta kepentingan utama yang lain. Ia dilihat tidak statik dan berkembang dengan mengambil kira perubahan kepimpinan serta keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah. Kertas kerja ini akan melihat sejauhmanakah dasar luar Najib Razak boleh menjamin kepentingan-kepentingan di atas terpelihara dan dipertahankan. Di samping itu, kertas kerja ini juga akan mengkaji sejauhmana diplomasi dua hala (hubungan dua hala) lebih signifikan berbanding dengan

diplomasi pelbagai hala dalam era Najib Razak. Diplomasi dua hala dikatakan menjadi keutamaan dalam dasar luar Malaysia dalam era Najib Razak.



BAB EMPAT

KERANGKA KONSEP MODEL STRATEGI POLITIK EKONOMI NAJIB RAZAK DALAM PEMGURUSAN NEGARA

4.0 Pengenalan Bab

Bab ini merupakan perbincangan mengenai kerangka teori kajian yang dijalankan. Bab ini juga merupakan bab yang membentuk kerangka kajian dibuat pada akhir bab ini untuk menjelaskan kepada kita mengenai proses penyelidikan yang hendak dijalankan.

4.1 Konsep Kepimpinan Politik Pentadbiran.

Kejayaan pembangunan Malaysia dalam jangka 30 tahun pertama selepas merdeka banyak bergantung kepada peranan utama yang dimainkan oleh negara. Sektor awam adalah suatu unsur yang perlu dalam usaha negara bergerak cepat ke arah pemodenan dan pembangunan yang berasaskan sebuah negara Perindustrian (Ahmad Atory Hussain, 1998: 1). Untuk melaksanakan peranannya secara yang lebih berkesan dan dapat mewujudkan suatu impak ke atas pertumbuhan ekonomi, maka peranan birokrasi perlu distrukturkan semula untuk mendokong sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan *engine*

of growth. Ini tidak sahaja memerlukan perubahan-perubahan struktur dan prosedur, tetapi juga perubahan-perubahan tingkah laku dalam sistem sokongan birokrasi negara itu sendiri (Ahmad Atory Hussain, 1998: 1)

Kepimpinan politik melibatkan tugas pemerintahan dalam pentadbiran kerajaan dan tugas perundangan di Dewan Rakyat. Bagi kepimpinan pentadbiran pula, mencakupi tugas eksekutif dalam kabinet dan pentadbiran polisi negara. Hal ini menyebabkan kajian yang memfokuskan kepimpinan politik pentadbiran supaya dapat memperihalkan dengan lebih mendalam. (Ismail, N. & Muhammad, A. 2000). dalam kajiannya yang bertajuk “*A Brief Look at the Malaysian Prime Ministers’ Leadership Styles*” memfokuskan aspek gaya kepimpinan bagi setiap Perdana Menteri Malaysia.

Kepimpinan dan model politik pentadbiran mempunyai hubungan dengan dapatan kajian Francis Loh Kok Wah (2001) dalam tesis kajiannya, “Politik Baru di Malaysia” yang menghuraikan tentang amalan kepimpinan yang dipraktikkan oleh BN khususnya UMNO menerusi dimensi model politik pentadbiran yang digunakan oleh Abdullah. Konsep kepimpinan ini turut dikemukakan oleh Yukl (1999) dalam model kepimpinan yang mempunyai kaitan dengan model politik pentadbiran yang menjadi asas kajian ini.

Menurut Ahmad Atory Hussain (1998:2) dalam konsep pembangunan negara pentadbiran, aspek pembangunan atau *development administration* lazimnya berkait dengan soal-soal keupayaan pentadbiran kerajaan, yang mana ia merupakan unsur yang perlu wujud dalam proses penggubalan dasar-dasar pembangunan, dan pelaksanaan

projek-projek pembangunan. Ia juga berkait dengan strategi untuk mneninggikan keupayaan pentadbiran dan dengan masalah-masalah yang berhubung dengan untuk mempercepatkan pembangunan. Untuk itu, aspek kepimpinan dan model politik pentadbiran mempunyai hubungan dengan dapatan kajian Francis Loh Kok Wah (2001) dalam tesis kajiannya, “Politik Baru di Malaysia” yang menghuraikan tentang amalan kepimpinan yang dipraktikkan oleh BN khususnya UMNO menerusi dimensi model politik pentadbiran yang digunakan oleh Abdullah. Sehubungan dengan itu, adalah lebih baik kita memahami sejarah sistem politik dan pentadbiran yang berlaku di Tanah Melayu sebelum membahaskan model politik dan pentadbiran moden Malaysia yang merupakan asas utama dalam pembentukan sistem politik dan pentadbiran moden masyarakat Malaysia pada hari ini.

Sebenarnya, Tanah Melayu ini telah mempunyai satu sistem politik dan pentadbiran kerajaan yang stabil sebelum berlakunya era penjajahan. Sistem politik dan pentadbiran pada masa tersebut adalah berasaskan sistem feudal atau sistem masyarakat Melayu tradisional yang merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik (Ahmad Atory Hussain, 2007). Masyarakat Melayu Tradisional (MMT) boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu sebelum kedatangan Islam dan selepas kedatangan Islam (Muhammad Yusof Hashim, 1992). Sebelum kedatangan Islam, MMT telah mengamalkan sistem politik pentadbiran yang dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha dan ianya berpaksikan kepada corak politik dan pentadbiran yang diamalkan oleh kerajaan India lama seperti kerajaan Asoka, kerajaan Ganga dan sebagainya. Corak pemerintahan (politik dan pentadbiran) lebih mirip kepada sistem kasta iaitu raja sebagai dewa yang perlu disembah dan ditaati. Segala yang

dimiliki oleh seseorang adalah kepunyaan raja dan rakyat adalah milik kepada raja tersebut. Setelah kedatangan Islam dan kemunculan kesultanan Melayu Melaka, Tanah Melayu maka terdapat perubahan dalam sistem pentadbiran dan politik MMT. Sistem politik adalah berdasarkan ketuanan Sultan yang mempunyai kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Malahan rakyat bukan lagi sebagai milik raja tetapi sebagai hamba kepada tuannya iaitu Sultan.

Sistem pentadbiran kerajaan kesultanan Melayu Melaka adalah berdasarkan Kanun Melaka atau Undang-undang Melaka yang berdasarkan kepada dua sumber utama iaitu Al-Quran dan hadis sunnah (Errington S.E., 1975). Melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, sistem politik dan pentadbiran kerajaan MMT telah berubah sama sekali. Sistem Residensi diperkenalkan ke atas negeri-negeri Melayu yang baru dijajah seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Manakala, pada tahun 1909, Sistem Residensi General diperkenalkan apabila terdapatnya Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang diberikan oleh Pihak Siam melalui Perjanjian Bangkok seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Negeri Johor merupakan negeri terakhir yang tunduk di atas penguasaan pihak British pada tahun 1914 dan ianya telah dimasukkan ke dalam negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Menurut Ahmad Atory Hussain (1998:3), kajian ke atas aspek kepimpinan dan pentadbiran ini dapat dilihat penekanannya ke atas perlunya pembaharuan pentadbiran boleh dikesan semula dalam tahun-tahun 1950-an dahulu, apabila pengetahuan teknologi telah dipindahkan dari Negara-Negara Membangun kepada Negara-Negara Kurang Maju (*Less Developed Countries*) supaya dapat memperkukuhkan keupayaan-keupayaan pentadbiran di negara-negara kurang maju tersebut dan seterusnya

mem- bantu mencapai pembangunan ekonomi dan sosial mereka. Semenjak tahun-tahun 1960-an, pembaharuan pentadbiran menjadi kajian yang penting terutama dalam bidang pentadbiran pembangunan.

4.1.1 Visi dan Misi

Visi adalah konsep atau matlamat yang dilihat atau individu itu berusaha mencapai. Visi berkaitan dengan matlamat utama individu, firma, organisasi atau negara secara keseluruhannya. Sebagai contoh, visi individu boleh menjadi ahli teori terobosan dalam satu disiplin tertentu. Ini adalah matlamat utama yang ingin dicapai oleh individu. Bukan sahaja individu, malah organisasi mempunyai visi. Sebagai contoh, sebuah institusi pendidikan boleh mempunyai visi untuk menjadi institut terbaik rantau ini. Inilah matlamat utama mereka. Visi berkaitan dengan matlamat utama individu, firma, organisasi atau negara secara keseluruhannya.

Sebagai contoh, visi individu boleh menjadi ahli teori terobosan dalam satu disiplin tertentu. Ini adalah matlamat utama yang ingin dicapai oleh individu. Bukan sahaja individu, malah organisasi mempunyai visi. Sebagai contoh, sebuah institusi pendidikan boleh mempunyai visi untuk menjadi institut terbaik rantau ini. Kenyataan visi sentiasa berorientasikan masa depan, mencabar dan memberi inspirasi. Ia mengisytiharkan matlamat jangka panjang organisasi, berfungsi sebagai asas untuk pelan strategik yang luas, mendorong pekerja, menarik pekerja baru, membantu usaha syarikat yang fokus dan membantu syarikat untuk membezakan diri mereka daripada pesaing mereka.

Misi adalah tindakan yang berkaitan dengan sekumpulan individu yang telah bersatu dengan niat yang sama. Misi berkaitan dengan organisasi sosial, organisasi bukan kerajaan atau gerakan politik. Sebagai contoh dalam pergerakan politik, misi itu adalah untuk mewujudkan sistem politik yang adil dan adil. Pergerakan ini berfungsi ke arah mencapai misi ini. Misi harus sangat jelas dalam objektifnya mengenai matlamat dan prestasinya. Objektif misi adalah bersifat standard. Mereka tidak terikat untuk berubah walaupun dalam perjalanan masa. Misi boleh merebak ke tanah asing juga. Objektif tetap sama walaupun di tanah asing. Adalah penting untuk mengetahui bahawa semua orang yang menyertai misi harus mempunyai visi yang sama untuk perkara itu. Oleh itu, visi boleh digambarkan sebagai subset misi dan bukan sebaliknya. Selalunya berlaku bahawa beberapa tindakan yang berkaitan dengan penyelesaian matlamat juga dipanggil misi.

Kenyataan misi tetap tidak berubah dari masa ke masa walaupun mungkin bagi syarikat untuk mengemas kini pernyataan misi mereka. Kenyataan misi yang baik menentukan hala tuju keseluruhan organisasi. Ia menyatakan dengan jelas apa yang penting dari apa yang tidak dan yang mana pasaran akan disampaikan dan bagaimana. Misi juga dibentuk dengan perspektif agama. Sebaliknya, visi dibentuk dengan idea perkembangan dan peningkatan dalam fikiran. Sama juga berlaku bahawa mana-mana negara yang akan dibangunkan dengan misi dan visi yang benar. Ini menekankan bahawa terdapat hubungan yang jelas antara visi dan misi, walaupun mereka berbeza dari satu sama lain. Malah, terdapat tiga komponen penting dalam kenyataan misi komersial. Mereka menentukan siapa pelanggan atau pelanggan mereka dan apa produk dan perkhidmatan yang

disediakan kepada mereka. Ia juga menyatakan bagaimana produk atau perkhidmatan mereka menjadi unik supaya pelanggan akan memilihnya.

4.1.2 Pembuatan Keputusan (*Decision Making*)

Pembuatan keputusan ialah proses penyelesaian masalah dengan memilih satu jalan atau tindakan antara beberapa alternatif. Merupakan proses asas dalam pengurusan. Pembuatan keputusan secara kualitatif tidak melibatkan maklumat berangka tetapi cenderung berbentuk cungkulan idea-idea.

Definisi membuat keputusan dibahagikan kepada dua iaitu yang pertamanya yang dinyatakan oleh:

1. Setiap tindakan yang diambil secara sedar dari pelbagai alternatif dengan tujuan mencapai hasil yang diharapkan. Apa yang dapat disimpulkan dari kenyataan Massie adalah keperluan untuk berfikir secara rasional dan mencari informasi terlebih dahulu sebelum membuat keputusan supaya keputusan yang kita harapkan berhasil dan sesungguhnya keputusan itu adalah yang terbaik.
2. Definisi kedua pula aktiviti pemilihan dari pelbagai alternatif dan merupakan nadi dalam perancangan. Kita perlulah membuat perancangan dengan menyediakan pelbagai alternatif untuk dipilih sebelum membuat sesuatu keputusan.

Pengumpulan beberapa maklumat yang berkaitan sebelum keputusan dibuat seperti maklumat apa yang diperlukan, sumber maklumat terbaik, dan cara mendapatkannya. Langkah ini melibatkan “kerja” dalaman dan luaran. Beberapa maklumat bersifat dalaman melalui proses penilaian sendiri. Maklumat lain adalah luaran: kebiasaanya menemui dalam talian, dalam buku, dari orang lain dan dari sumber lain. Semasa maklumat dikumpulkan, mungkin akan mengenal pasti beberapa jalan tindakan atau alternatif yang mungkin. Selain itu, ia juga menggunakan imaginasi dan maklumat tambahan untuk membina alternatif baru. Dalam langkah ini, semua alternatif akan disenaraikan. Pembuatan keputusan adalah penting untuk sesebuah organisasi bagi memperolehi kelebihan daya saing dan menambahkan nilai pemegang hak kepentingan organisasi (stakeholders).



4.1.3 Komunikasi awam (Public Communication)

Komunikasi awam melibatkan komunikasi seorang komunikator dengan sejumlah besar pendengar atau dengan rujukan lain sering disebut sebagai khalayak. Secara umum, komunikasi bermaksud perhubungan dua hala sama ada dengan penggunaan suatu alat perantaraan untuk berkomunikasi atau sebaliknya. Komunikasi dihuraikan sebagai suatu perhubungan bercakap, perbincangan, pertukaran pendapat dan lain-lain. Masyarakat masa kini hidup dalam dunia tanpa sempadan dengan alat perhubungan untuk berkomunikasi yang serba canggih seperti perhubungan internet, ‘smartphone’, jalur lebar atau wireless broadband dengan broadband mudah alih 4G dan sebagainya.

Terbaru iPad 2, tablet, telefon bimbit dengan sistem 3G dan WiFi, MMS (multimedia message) dengan penghantaran atau muat turun atau muat naik gambar, lagu dan video dan berbagai lagi. Selari dengan itu, mewujudkan kemudahan perhubungan komunikasi antara individu di sesuatu tempat dengan individu di suatu tempat yang berbeza. Komunikasi adalah “proses atau tindakan menyampaikan pesan (*message*) dari pengirim (*sender*) ke penerima (*receiver*), melalui suatu medium (*channel*) yang biasa mengalami gangguan (*noise*). Dalam definisi ini, komunikasi haruslah bersifat intentional (disengaja) serta membawa perubahan. Terdapat beberapa definisi komunikasi yang diberi oleh penulis terdahulu, di antaranya menyatakan bahawa komunikasi adalah satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol.

Proses interaksi ini berlaku untuk mencapai objektif seperti bertukar-tukar maklumat, mempengaruhi tingkah laku, memujuk mahupun menukar keadaan fizikal dan mental manusia. Hybels dan Weaver (1992) pula mentakrifkan komunikasi sebagai proses perkongsian maklumat, pendapat dan perasaan dari individu kepada individu yang lain. Abdul Mua'ti (2001) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses yang berterusan iaitu berlaku proses pemindahan maklumat dan maklum balas daripada penutur kepada penerima. Komunikasi menjadi paling berkesan apabila individu yang berinteraksi atau berkomunikasi dapat berkongsi kefahaman, merangsang pihak lain dan bertindak balas serta menggalakkan pihak lain untuk terus berfikir. Melalui komunikasi, kita dapat memahami keadaan persekitaran dan juga orang sekeliling kita.

Dari sini pemahaman yang baik antara manusia terjadi dan mewujudkan hubungan yang baik walaupun terdapat perbezaan budaya dan agama. Dalam erti kata lain, mengeratkan silaturrahim sesama kita. Teori komunikasi membantu manusia memahami gejala, proses, dan fenomena komunikasi. Kompleksnya proses komunikasi membuat manusia kesulitan memahaminya. Maka dari itu, diperlukan teori komunikasi yang dapat membantu manusia lebih mudah mengerti soal fenomena dan proses komunikasi. Oleh itu, komunikasi merupakan interaksi sosial antara sekurang-kurangnya dua ejen berinteraksi yang berkongsi satu set tanda serta satu set peraturan semiotik yang sama. Perbualan merupakan sejenis komunikasi yang kedua-dua pihaknya saling menghantar dan menerima maklumat. Teori pengawalan bersama memerihalkan komunikasi sebagai satu proses selanjar yang kreatif dan dinamik, dan bukannya penukaran maklumat yang berasingan.

Secara keseluruhannya, komunikasi disimpulkan sebagai suatu proses perkongsian makna yang berlaku dalam sesuatu perhubungan. Semasa berkomunikasi atau berbual sama ada secara terus atau dengan menggunakan perantaraan seperti *video conference*, *e-mail*, telefon dan lain-lain, setiap manusia akan berkongsi pendapat atau penerangan tentang sesuatu perkara seperti berkongsi topik berkenaan manusia, berkongsi perasaan gembira dan sedih, berkongsi sesuatu situasi semasa, berkaitan politik, kewangan atau hal-hal peribadi, dan sebagainya. Perkara ini boleh berlaku sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau pun komunikasi bukan lisan iaitu sama ada melalui perbualan ataupun dengan gerak badan dan ekspresi muka atau mimik muka sahaja. Ini bermakna manusia juga boleh mencetuskan perasaan mereka melalui nada suara, gerak geri badan dan muka serta tanpa berkata apa-apa atau dalam erti kata lain senyap atau diam.

4.2 Pembangunan dan Hasil Dasar Awam

Keputusan dan tindakan kerajaan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang mempunyai objektif, matlamat dan tujuan tertentu. Konteks sebuah negara persekutuan. Dasar merupakan suatu yang penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan sebuah negara. Menurut Roger W. Cobb dan Charlcs D. Elderis yang dipetik oleh Ahmad Atory (1996:47) yang memfokuskan kepada persoalan bagaimana satu isu polisi awam boleh menarik perhatian orang ramai, di mana isu-isu awam bolch dikategorikan dalam 5 istilah atau dimensi:

1. Ketentuan.
2. Sosial yang signifikan
3. Kesesuaian masa.
4. Kompleksiti.
5. Kategori-kategori precedence atau yang telah berlaku pada
6. masa yang lalu.

Dasar merupakan rangka dalam pelaksanaan rancangan kerajaan dan berbentuk pelan tindakan yang dilaksanakan bagi mencapai objektif untuk kepentingan masyarakat dan Negara. Dasar atau kebiasaanya disebut sebagai polisi ialah suatu garis panduan pentadbiran atau pegangan mengenai sesuatu idea atau gagasan yang tersusun rapi. Garis panduan pentadbiran ini mencakupi segala arahan, peraturan dan pedoman sebagai landasan dalam melaksanakan cita-cita yang terkandung di dalamnya demi mencapai matlamat kepimpinan negara ke arah sebuah negara yang gemilang dan maju.

Menurut Ahmad Atory (1996:47) dalam memahami proses pembinaan dasar awam, satu pendekatan analitik yang agak berbeza lagi ialah yang ditulis oleh James E. Anderson yang antara lain mengatakan bahawa pembuatan dasar sebagai satu pola aktiviti yang berturutan ialah proses yang berdasarkan beberapa kategori seperti berikut:

1. Pembentukan masalah dan penentuan agenda.
2. Formula polisi.
3. Penerapan polisi.
4. Pelaksanaan polisi.

Dalam keadaan sebenar, pembuatan polisi selalunya mengikut pola-pola dan, aktiviti yang dikategorikan seperti di atas. Kebanyakan para pengkaji akan menggunakan satu atau ketiga-tiga model tersebut iaitu model politik, model kandungan polisi dan model analitik dalam mengkaji dasar-dasar awam.

Pada umumnya dasar yang dibentuk oleh kerajaan mempunyai objektif, strategi pelaksanaan dan penilaian terhadap keberkesanannya. Ia boleh menjadi panduan pentadbiran kepada kerajaan untuk mengatasi masalah yang wujud dalam sesebuah negara. Dasar-dasar kerajaan digubal dan dikuatkuasakan selaras dengan nilai-nilai sosio-ekonomi dan politik negara pada satu-satu masa. Oleh kerana sifatnya yang dinamik, maka dasar-dasar kerajaan sentiasa berubah-ubah mengikut nilai-nilai masyarakat dan pucuk pimpinan dari semasa ke semasa. Dasar awam boleh ditafsirkan dengan pelbagai maksud

dan pengertian. Secara harfiahnya, dasar awam ialah apa juga projek, program atau rancangan daripada pihak kerajaan untuk memberi faedah dan kepentingan kepada satu kelompok rakyat. Dasar Awam boleh didefinisikan antaranya, sebagai apa sahaja pemilihan kerajaan sama ada untuk membuat sesuatu atau tidak membuat sesuatu. (Dye, 1984).

Menurut (Ahmad Atory Hussain, 1990) pula Dasar Awam itu ialah progam atau projek yang dirancang oleh kerajaan yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Dasar awam ialah sesuatu pilihan utama yang dibuat oleh seseorang individu atau sekumpulan individu bagi menjelaskan, menerangkan, mempertahankan, memimpin atau menggariskan sesuatu tindakan sama ada yang nyata atau bertujuan (Prestus, 1975). Berdasarkan kepada definisi di atas, didapati dasar awam telah diterangkan secara bergilir-gilir sebagai satu keputusan dalam bentuk pilihan dan penyelesaian kepada masalah; satu matlamat atau objektif; serangkaian program; suatu peruntukan; undang-undang atau pun peraturan.

Dasar awam sebagai apa sahaja keputusan dan tindakan kerajaan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Secara umumnya setiap keputusan yang diambil oleh kerajaan pastinya mempunyai objektif, matlamat dan tujuan untuk dijadikan sebagai panduan umum dalam mengatasi masalah sesebuah negara. Secara ringkasnya, matlamat dasar mestilah jelas dan merupakan jalan penyelesaian terhadap sebahagian besar masalah rakyat ataupun kumpulan sasaran dasar tersebut. Contoh-contoh Dasar Awam di Malaysia ialah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wanita Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Persyarikatan, Dasar Penswastan dan lain-lain lagi.

Dasar awam merupakan suatu konsep yang kompleks dan bersifat dinamik. Ia memainkan peranan penting dalam memastikan proses pembangunan dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran yang stabil dan struktur yang fleksibel. Dasar Awam dapat membantu kerajaan dalam merancang, melaksanakan dan menilai program-program secara sistematik dan berterusan. Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum, agama dan adat budayanya. Pembentukan dasar awam di Malaysia berlandaskan ciri-ciri dan keunikan yang tersendiri bagi memenuhi keperluan rakyat yang berbilang kaum. Justeru, aspek perpaduan kaum merupakan agenda utama dalam matlamat pembentukan sesuatu dasar awam di Malaysia, demi mencapai matlamat sebuah negara yang terbilang dan gemilang.

4.2.1 Etika dan Amanah

Pengertian etika (*ethic*) dipengaruhi oleh pemikiran Barat yang membawa pengertian moral semata-mata. Walhal menurut sarjana Islam dari zaman kegemilangan Islam di Andalusia hingga kini, penggunaan istilah akhlak bagi mereka lebih tepat kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang manusia zahir mahupun batinnya. Etika terlalu banyak diberikan oleh pelbagai pihak dari semasa ke semasa. Istilah etika berasal dari perkataan Greek 'ethos', yang bermaksud khusus kepada '*character*', ataupun perwatakan dan keperibadian. Amanah berasal daripada perkataan Arab - amanah, yang bermaksud tenteram, aman, selamat dan harmoni. Kesilapan dalam membuat keputusan dan mengambil sesuatu tindakan akhirnya terjebak dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai dan etika profesionalisme sebagai penjawat awam.

Dengan demikian, keingkaran terhadap undang-undang, peraturan dan perintah kerajaan merupakan sesuatu yang mencabar nilai dan etika dalam perkhidmatan awam itu sendiri. Shepard (1990) dalam penjelasannya tentang nilai melihat ianya berkaitan dengan prinsip-prinsip dalam kebudayaan yang mengandungi idea tentang apa yang kebanyakan manusia dalam sesuatu masyarakat inginkan. Oleh itu, nilai merupakan suatu perkara yang sangat luas dalam kehidupan manusia cara pemikiran, tindakan, perbuatan, dan kefahaman yang dipersetujui bersama dalam sesuatu kelompok masyarakat.

Penjelasan Shepard tentang nilai dapat diperkukuhkan lagi dengan apa yang dijelaskan oleh Robbins (1990) yang mendefinisikan nilai sebagai asas yang mempengaruhi kelakuan dan cara hidup sesuatu kelompok atau masyarakat. Dalam hal ini, jika seseorang individu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai yang dikongsi dan dipersetujui bersama dalam kelompoknya dikatakan telah melencong atau terpesong daripada nilai-nilai asas, di mana dalam sosiologi diistilahkan sebagai devians. Penjawat awam bukanlah robot ataupun jentera yang boleh dikawal dengan mudah, tetapi memiliki pelbagai gelagat yang tersendiri. Walau bagaimanapun, penjawat awam memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan negara. Namun begitu, kini penjawat awam semakin matang dan berkembang mengikut perubahan semasa termasuklah penguasaan dan kemahiran-kemahiran baru seperti dalam bidang teknologi maklumat. Dalam perbincangan tentang nilai dan etika penjawat awam, banyak isu dan masalah yang timbul. Malah, di pihak media massa, isu-isu dan permasalahan ini sentiasa menjadi liputan dan bahan berita. Ini kerana ada di kalangan penjawat awam yang melanggar peraturan, undang-undang dan etika kerja yang telah ditetapkan sehingga menjejaskan

imej dan reputasi perkhidmatan awam itu sendiri. Maka timbullah persoalan sejauhmana di kalangan penjawat awam masih golongan “yang menurut perintah”. Etika dan integriti yang kukuh dan mantap akan menjamin semua kakitangan memberi khidmat yang adil dan sempurna kepada rakyat dan pelanggan.

Etika dan integriti ini akan menjadi benteng kepada berlakunya gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa (Roslan Mahmood & Nik Rosnah Wan Abdullah, 2008). Agensi-agensi awam ditubuhkan dengan objektif utama untuk memenuhi keperluan rakyat dan negara. Bagi mencapai objektif tersebut, sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi adalah diperlukan supaya dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Kepentingan integriti kepada perkhidmatan awam adalah untuk mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin menerusi penerapan nilai-nilai murni yang dapat mengatasi masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek pemerintahan seperti pengurusan kewangan, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama. Integriti juga boleh ditakrifkan sebagai kejujuran dan ketulusan serta kesempurnaan dan keutuhan. Kamus Oxford (2005) membariskan empat ciri utama dalam konsep integriti iaitu sifat yang menyeluruh, jitu, benar dan jujur ‘wholeness, soundness, uprightness and honesty’ (Jamiah et al., 2004).

Pengertian integriti telah ditakrif lebih jelas lagi dalam Plan Integriti Nasional 2006 (PIN 2006) yang membawa maksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan prinsip teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral. Integriti boleh difahami sebagai nadi utama kepada pencapaian hasil kerja berkualiti yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang individu atau organisasi dengan berlandaskan ciri-ciri kerja bersepadu dan menyeluruh. Integriti perlu dilihat sebagai satu komitmen terhadap prinsip moral yang tinggi dalam memikul dan menjalankan sesuatu tugas sama ada pada peringkat individu atau organisasi. Pada peringkat individu, penghayatan konsep integriti bererti seseorang kakitangan perlu menunjukkan keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan, bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang, mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dan melakukan kerja dengan kualiti yang bermutu dan tepat. Manakala di peringkat organisasi, penghayatan integriti perkhidmatan terjelma dalam bentuk perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, proses kerja dan pematuhan terhadap amalan terbaik.

4.3 Teori Kepimpinan Politik

David Easton (1970) dalam bukunya "*The Political System*" telah mendefinisikan sistem politik pentadbiran melalui cara nilai-nilai yang diagihkan secara autoritatif kepada masyarakat. Dalam tafsiran definisi tersebut Easton (1970) mempertimbangkan sistem sebagai apa-apa set angkubah dengan tidak mengambil kira darjah kebergantungan antara mereka. Angkubah-angkubah yang dimaksudkan dilihat dari sudut politik pentadbiran, pengurusan ekonomi dan masyarakat. Kepimpinan politik seseorang pemimpin bergerak

seiring di dalam dan di luar sistem politik tersebut. Beliau juga mengkaji interaksi yang melibatkan angkubah-angkubah yang dinyatakan tadi untuk dijadikan satu model yang menjadi asas konsep kepimpinan politik pentadbiran. Ahmad Fawzi, Mior Ahmad dan Mohd Foad (2005) menyatakan model Easton menjelaskan cara fenomena politik pentadbiran yang diertikan sebagai pengagihan nilai angkubah.

Dalam hal ini, Easton (1970) telah menjelaskan bahawa sistem politik pentadbiran sememangnya dipengaruhi oleh dua perkara. Pertama ialah suasana dalaman yang bersifat politik pentadbiran sesuatu masyarakat seperti sosio-budaya politik pentadbiran, struktur sosial masyarakat dan struktur ekonomi masyarakat. Melihat dimensi politik negara kita pada hari ini, ternyata telah mengalami perubahan dan pembangunan dari segi ekonomi, sosial dan pendidikan. Sementara itu, (Haris Zalkapli, 2009) mengulas bahawa pilihan raya umum 2008 dan pilihan raya kecil Permatang Pauh dan Kuala Terengganu telah menunjukkan bahawa rakyat tidak lagi melihat siapakah pemimpin yang bakal mereka pilih, tetapi lebih kepada apakah sumbangan yang akan dapat mereka perolehi dan nikmati hasil sokongan politik yang mereka berikan.

Senario ini mencerminkan keadaan dan pentas politik semakin terbuka untuk semua lapisan masyarakat. Hal ini bermakna rakyat sudah memahami akan tugas dan peranan pemimpin yang mereka pilih semestinya terdiri daripada mereka yang berkeelayakan dan berkelulusan tinggi. Kedua ialah suasana luaran, iaitu perhubungan masyarakat berkenaan dengan wakil pemimpin yang dipilih oleh mereka. Bagi tujuan tersebut, pengenalan kod etika diperkenalkan oleh Abdullah pada tahun 2004, “Rakyat kini menunggu dan

memerhati tindak-tanduk setiap ahli Parlimen mahupun setiap Ahli Dewan Undangan Negeri. Justeru itu, saya ingin menanam azam dan iltizam yang kukuh dalam kalangan setiap wakil rakyat Barisan Nasional untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang ada dengan sedaya upaya dengan perasaan yang benar-benar ingin berkhidmat dan menabur bakti kepada rakyat” (Institut Tadbiran Awam Negara, 2006). Meneliti isu tersebut, apa yang perlu ditekankan adalah mengenai subjek budaya politik telah mempengaruhi kepimpinan seseorang pemimpin ini merupakan satu ketepatan.

4.3.1 Teori Kepimpinan Transformasi

Menurut (Abdullah dan Ainon,1997), konsep kepemimpinan transformasional dikemukakan sebagai satu konsep mantap dan tuntas oleh Prof J.M Bum pada tahun 1978, walaupun unsur kepemimpinan transformasional telah dipinang dan dikaji oleh ramai sarjana dengan menggunakan pelbagai istilah sebelum dari itu. Pandangan tersebut kemudiannya dimantapkan dan dikukuhkan oleh sarjana dan pengkaji selepas itu. House dan Singh (1987) mendefinisikan kepemimpinan transformasional sebagai "keimpinan yang membawa nilai, keyakinan dan kepercayaan kepada diri, serta memupuk kepercayaan pengikut kepadanya, dengan kejayaannya memotivasikan pengikutnya untuk bertindak lebih dari apa yang disebut sebagai "tugas biasa".

ManakaIa George dan Jones (1996) pula mendefinisikan kepemimpinan transformasional sebagai "keimpinan yang berjaya melakukan pembaharuan atau transformasi terhadap pengikutnya untuk mencapai matlamat, hasil daripada keyakinan pengikut terhadap pemimpin tersebut, melakukan sesuatu bagi mencapai matlamat, bermotivasi tinggi untuk

melakukan tindakan bagi pencapaian matlamat ke tahap yang tinggi" William (2000) dalam tulisannya memasukkan kepemimpinan transformasional di dalam kelompok "keimpinan berstrategi" atau kepemimpinan berwawasan "visionary leadership", atau kepemimpinan berkarismatik. Ringkasnya, kepimpinan transformasional merupakan cara gaya kepimpinan yang menyeluruh yang dapat dimanfaatkan ke arah kecemerlangan individu, dan mampu memberikan sumbangan yang bermakna kepada organisasi, masyarakat dan seterusnya.

Gaya kepimpinan transformasi mulanya disarankan oleh Burns (1978) dalam bukunya, "Leadership". Gaya kepimpinan transformasi merupakan suatu proses yang membenarkan wawasan pemimpin dikembangkan segera ke seluruh organisasi. Ini merujuk kepada proses mempengaruhi kepada perubahan besar dalam sikap kakitangan agar matlamat organisasi dan wawasan pemimpin dapat dicapai (Carlson and Perrewe, 1995). Bass (1985) telah menghuraikan idea kepimpinan transformasi yang memfokuskan kepada meningkatkan kesedaran tentang isu-isu kepimpinan di kalangan pengikut.

Peningkatan kesedaran ini memerlukan pemimpin yang mempunyai wawasan, berkeyakinan diri, mempunyai kekuatan dalaman untuk memperjuangkan apa yang dirasakan baik serta benar baginya dan bukannya yang popular pada masa itu (Carlson and Perrewe, 1995). Kesan kepimpinan mereka tidak sahaja menyebabkan pengikut dapat memenuhi jangkaan prestasi tetapi dapat melepasi prestasi yang dijangkakan itu. Sosik (1997) mendapati bahawa kumpulan-kumpulan yang bekerja di bawah kepimpinan transformasi menjana lebih banyak penyelesaian yang tulen, kata-kata yang menyokong,

penghuraian penyelesaian dan soalan-soalan tentang penyelesaian dan melaporkan peringkat prestasi yang tinggi, usaha yang lebih dan kepuasan terhadap pemimpin berbanding kumpulan yang bekerja di bawah kepemimpinan transformasi yang rendah. (Jung & Avolio, 2000)

Ini adalah pemimpin karismatik yang membangunkan suatu hubungan yang sungguh istimewa antara pemimpin dengan pengikut dan merangsang pengikut dalam cara yang agak luar biasa (Conger, 1991). Kehadiran kepemimpinan karismatik ini digambarkan oleh pengikut yang amat bersemangat tentang pemimpin dan idea-idea pemimpin mereka, bekerja keras untuk menyokong mereka, kekal setia dan mencari pencapaian prestasi superior (Conger, 1991). Kajian Awamleh (1999) menunjukkan pemimpin yang menyampaikan ucapan-ucapan/amanat yang bercirikan wawasan, mempunyai gaya penyampaian amanat yang kukuh dan mempunyai prestasi organisasinya yang baik dianggap sebagai pemimpin yang berkesan dan berkarisma.

Walau bagaimanapun, Shea (1999) mendapati individu yang terdedah kepada pemimpin karismatik tidak menunjukkan prestasi kerja melebihi (outperform) mereka yang terdedah kepada pemimpin yang bertimbang rasa. Howell dan Avolio (1993) menunjukkan kepemimpinan karismatik, kepemimpinan intelektual, dan kepemimpinan pertimbangan individu adalah dikaitkan dengan kawalan lokus dalaman yang lebih tinggi dan berupaya menjangka prestasi unit perniagaan untuk jangka pendek (satu tahun ke hadapan). Bass dan Avolio (1990) pula mendapati pada setiap peringkat organisasi kepemimpinan transformasi lebih berkesan daripada kepemimpinan transaksi, dan juga pemimpin yang

menggayakan lebih kepemimpinan transformasi menunjukkan prestasi lebih tinggi (Hater dan Bass, 1988)

4.3.2 Teori Kepemimpinan Transaksional

Kepemimpinan transaksional merupakan kepemimpinan yang melibatkan proses kontraktual atau pertukaran antara pemimpin dan bawahan (Jung dan Avolio, 2000). Para pemimpin transaksional mengidentifikasi harapan-harapan bawahan dan memberikan imbalan atau penghargaan (reward) sebagai ganti atas kinerja yang ditunjukkan bawahan. Kepemimpinan transaksional memotivasi para bawahan dengan menjanjikan sebuah imbalan atas kinerja mereka. Penekanan dari kepemimpinan transaksional adalah pada proses pertukaran antara pemimpin dan bawahan. Sebagai contoh, para pemimpin perusahaan bertukar penghargaan berupa gaji dengan kinerja para bawahannya. Kepemimpinan transaksional melibatkan nilai-nilai, tetapi nilai tersebut relevan dengan proses pertukaran, seperti kejujuran, keadilan, tanggungjawab, dan timbal balik. Kepemimpinan transaksional melibatkan sebuah proses pertukaran yang dapat menghasilkan kepatuhan bawahan akan permintaan pemimpin tetapi tidak mungkin menghasilkan komitmen terhadap sasaran tugas. Perilaku transaksional meliputi perilaku pemberian penghargaan, pengurusan pasif dan aktif (Yukl, 2001).

4.3.3 Ulasan Gaya Kepemimpinan Transaksional

Istilah transaksional berasal dari bagaimana tipe pemimpin ini memotivasi pengikut untuk melakukan apa yang ingin mereka lakukan. Pemimpin transaksional menentukan keinginan-keinginan pengikut dan memberi sesuatu yang mempertemukan keinginan itu dalam pertukaran karena pengikut melakukan tugas tertentu atau menemukan sasaran spesifik. Jadi, suatu transaction atau exchange process antara pemimpin dan pengikut, terjadi pada saat pengikut menerima ganjaran dari prestasi kerja dan pemimpin memperoleh manfaat dari penyelesaian tugas-tugas.

Pemimpin yang bergaya transaksional bekerja melalui penciptaan struktur yang jelas mengenai apa yang diminta daripada pengikut mereka, dan penghargaan yang mereka akan dapatkan sebagai hasil dari mengikuti perintah. Hukuman tidak selalu disebutkan dengan jelas, tetapi pengikut mengerti dengan baik dan sistem formal biasanya juga dilaksanakan dengan disiplin. Tahap awal Kepemimpinan Transaksional adalah proses rindungan atau kontrak dimana pegawai diberi gaji dan imbuhan lain, dan perusahaan mendapat kewenangan terhadap para pegawainya. Menurut Bass dalam Robbins & Judge (2009) gaya kepemimpinan transaksional adalah model kepemimpinan dimana pemimpin memadukan atau memotivasi pengikut mereka dalam arah tujuan yang ditegakkan dengan memperjelas peran dan tuntutan tugas.


Di dalam Robbins & Coulter (2012), pemimpin dengan gaya kepemimpinan transaksional yaitu pemimpin yang membimbing dan memotivasi pengikutnya menuju ke sasaran yang ditetapkan dengan memberikan penghargaan atas produktiviti mereka. Gaya

kepemimpinan transaksional yaitu pemimpin yang memimpin dengan menggunakan pertukaran sosial (atau transaksi). Pemimpin transaksi mengarahkan atau memotivasi bawahannya untuk bekerja mencapai tujuan dengan memberikan penghargaan atas produktivitas mereka (Robbins dan Coulter, 2010). Perilaku kepemimpinan berfokus pada hasil dari tugas dan hubungan dari pekerja yang baik dalam pertukaran untuk penghargaan yang diinginkan.

Kepemimpinan Transaksional mendasarkan bahawa kepemimpinan merupakan kontrak sosial antara pemimpin dan para pengikutnya. Pemimpin dan para pengikutnya merupakan pihak yang masing-masing mempunyai tujuan dan kepentingan sendiri. Keperluan, persetujuan dan kepentingan tersebut saling bertentangan sehingga mengarah ke situasi konflik. Misalnya, di perusahaan sering tujuan pemimpin perusahaan dan tujuan karyawan bertentangan sehingga terjadi peerselisihan industri. Dalam teori kepemimpinan ini hubungan antara pemimpin dan para pengikutnya merupakan hubungan transaksi yang sering didahului dengan rundingan tawar - menawar. Jika para pengikut memberikan sesuatu atau melakukan sesuatu untuk pemimpinnya, pemimpin juga akan memberikan sesuatu kepada para pengikutnya. Selanjutnya, Bass (1990) dan Yukl (1998) mengemukakan bahawa hubungan pemimpin transaksional dengan karyawan tercermin dari tiga perkara iaitu: Pertama, Pemimpin mengetahui apa yang diinginkan karyawan dan menjelaskan apa yang akan mereka dapatkan apabila kerjanya sesuai dengan harapan; Kedua, Pemimpin menukar usaha-usaha yang dilakukan oleh karyawan dengan imbalan; dan Ketiga, Pemimpin responsif terhadap kepentingan pribadi selama kepentingan tersebut sebanding dengan nilai pekerjaan yang telah dilakukan.


Bass dan Yukl (2010) mengemukakan bahwa hubungan pemimpin transaksional dengan karyawan tercermin dari tiga hal yakni pemimpin mengetahui apa yang diinginkan karyawan dan menjelaskan apa yang akan mereka dapatkan apabila kerjanya sesuai dengan harapan, pemimpin menukar usaha-usaha yang dilakukan oleh karyawan dengan imbalan, dan pemimpin responsif terhadap kepentingan pribadi karyawan selama kepentingan tersebut sebanding dengan nilai pekerjaan yang telah dilakukan karyawan.

Pemimpin transaksional sering menggunakan pengurusan dengan pengecualian (*management by exeption*), jika pekerjaan dilakukan sesuai dengan prinsip yang diharapkan maka tidak perlu adanya perhatian khusus. Jika pengurusan menghendaki pengharapan atau target khusus, maka pengurusan perlu menerapkan pujian dan penghargaan. Sedangkan beberapa jenis tindakan korektif perlu diterapkan untuk kerjasama yang di bawah standard.



4.4 Model Kerangka Konsep Kajian

4.4.1 Model Politik Dan Kepimpinan Najib Razak



Rajah 2.2: Model Politik Ekonomi Najib Razak

Najib Razak adalah seorang politikus Malaysia yang sebelumnya menjabat sebagai Perdana Menteri Malaysia dari 2009 hingga 2018. Ia juga merupakan Presiden Umno (United Malays National Organisation), partai politik yang menjadi bagian dari Barisan Nasional, koalisi politik yang berkuasa di Malaysia selama beberapa dekad. Kepimpinan Najib dibawah konsep Najibpoleristokrat dilihat merupakan satu kejayaan dan petanda kepada pembinaan proses 'mentor-mentee' dalam politik UMNO dan juga dilaksanakan oleh keseluruhan parti-parti politik Malaysia yang berakar umbi dari tradisi utuh yang bersifat abstrak dan klasik nilainya. Pengalaman luas Najib selama lebih tiga dekad dalam pentadbiran negara membolehkan Najib memahami geo-politik Malaysia secara meluas dan ini membantu beliau dalam proses mengemudi kepimpinan negara sebagai pemimpin

tertinggi eksekutif negara. Justeru, Najib yang merupakan produk peradaban politik Malaysia yang telah terbina sejak 1976 bersama politik negara.

Dalam bidang ekonomi, Najib Razak menerapkan kebijakan-kebijakan yang dikenal sebagai "Transformasi Ekonomi Malaysia" dengan tujuan untuk mendorong pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Salah satu inisiatif utama dalam transformasi ekonomi adalah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Beliau melaksanakan pelbagai dasar dan inisiatif di bawah panji "Transformasi Ekonomi Malaysia" atau "semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia. Dasar ekonomi Najib Razak bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya saing, dan mengurangkan jurang ekonomi di Malaysia. Beberapa inisiatif utama termasuk Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), yang memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, kepelbagaian ekonomi, pertumbuhan sektor perindustrian dan pembangunan sumber manusia. Matlamatnya adalah untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Ini menunjukkan bahawa Najib telah sedia pengalaman mengendalikan urusan kementerian yang membabitkan golongan sasaran dari seawal usia kanak-kanak, hinggalah ke peringkat usia 40-an, serta juga dilihat berjaya mengendalikan urusan pendidikan yang turut sama merangkumi pendidikan sekolah rendah, menengah malahan membabitkan universiti di Malaysia. Ini bermakna, Najib telah berada ditempatnya paling strategik dalam menjadikannya seorang pemimpin yang sedia memahami asas kepada pembinaan negara, iaitu membabitkan elemen pertahanan menyeluruh sesebuah negara, dari segi pengurusan generasi hadapan bangsa dan negara hinggalah kepada pengendalian urusan

membabitkan soal keselamatan dan pertahanan Malaysia. Najib ibarat ‘jeneral politik’ yang sedia bertempur dengan segenap cabaran dan saingan di medan politik Malaysia.

4.4 Rumusan Bab

Bab ini adalah membincangkan dan meringkaskan penemuan dan pandangan utama mengenai kepimpinan politik di Malaysia. Ia menonjolkan sifat kepimpinan yang kompleks dalam masyarakat berbilang etnik dan budaya, menekankan keperluan pemimpin yang berwawasan dan inklusif untuk menangani cabaran negara dengan berkesan. Bab ini juga mencadangkan jalan untuk penyelidikan dan analisis lanjut dalam memahami dan meningkatkan kepimpinan politik di Malaysia. Kepimpinan politik di Malaysia menyediakan analisis landskap politik negara, memberi tumpuan kepada pemimpin utama, gaya kepimpinan mereka, dan cabaran yang mereka hadapi. Ia meneroka konteks sejarah kepimpinan politik di Malaysia dan mengkaji dinamik kepimpinan yang berkembang dalam sistem demokrasi negara.

BAB LIMA

ANALISA KEBERHASILAN MODEL STRATEGI KEPIMPINAN POLITIK-EKONOMI NAJIB RAZAK DALAM PENGURUSAN NEGARA

5.0 Pengenalan Bab

Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Keenam Malaysia setelah diberikan laluan oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Kelima. Tindakan Abdullah itu berlaku berikutan tekanan banyak pihak daripada parti UMNO (parti tunjang dalam kerajaan Barisan Nasional) yang tidak berpuas hati dengan kualiti dan dasar kepimpinan Abdullah, terutama setelah Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 2008. Tindakan itu juga merupakan pelan peralihan kuasa pucuk kepimpinan UMNO. Walau bagaimanapun, secara deduktif, dapat disimpulkan bahawa Najib sudah bersedia menerima tanggungjawab sebagai Presiden UMNO serta Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan selanjutnya sebagai Perdana Menteri baharu. Najib Razak selaku Perdana Menteri baharu Malaysia setelah berlakunya peralihan kuasa secara tersusun dan berhemah, telah mengambil dan memanfaatkan peluang serta daya usaha menguruskan

dan menyampaikan ucapan sulungnya selaku Perdana Menteri Malaysia yang baru ke seluruh negara melalui televisyen dan radio selepas upacara angkat sumpah memegang jawatan pada 3 April 2009.

Kesediaan Najib Razaks sebagai Ketua Eksekutif negara jelas diterjemahkan dengan sengaja menguruskan wacana sulungnya serta idea kepimpinannya. Kesediaan dan kesengajaan itu bersandarkan pengalaman panjang beliau dalam kepimpinan politik dan negara. Peranan Eksekutif dalam politik adalah sangat penting dalam pembinaan negara, ini kerana peranan eksekutif yang merupakan salah satu cabang hirarki pemerintahan negara terutamanya sebagai Perdana Menteri atau Ketua Eksekutif negara merupakan hirarki tertinggi yang dihajati di kalangan aktivis dunia politik kepartian, ini kerana orang politik yang berada sebagai eksekutif atau kabinet adalah orang-orang yang dapat mengawal sistem pentadbiran, dan kawalan di sini bermaksud merdeka mempunyai kuasa untuk menentukan satu keadaan yang mana pegawai-pegawai kerajaan sentiasa sedar dengan berterusan terhadap garis-garis panduan politik serta halangan dan konstren. Sermuanya ini boleh berlaku apabila eksekutif politik memelihara dan menunjukkan keadaan sebenarnya terhadap kawalan dalam sistem pentadbiran (Ahmad Atory Hussain,1990:107).

5.1 Analisa Kepimpinan Politik Najib Razak

Dari segi sejarah, penyertaan Najib dalam politik bermula pada usia agak muda, iaitu 23 tahun apabila beliau memenangi pilihan raya kecil parlimen Pekan tanpa bertanding menggantikan bapanya, Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua yang meninggal dunia pada 1976. Sejak itu, bintang politiknya bersinar dan meningkat dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi. Perkhidmatan kerajaan lulusan Sarjana Muda Ekonomi Industri Universiti Nottingham ini bermula dengan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos pada 1976. Pada Pilihan Raya Umum 1982 pula, beliau memenangi kerusi dewan undangan negeri Bandar Pekan, Pahang dan kemudiannya dilantik sebagai Menteri Besar Pahang sehingga 1986.

Pada Pilihan Raya Umum 1986, beliau kembali bertanding dan memenangi kerusi parlimen Pekan, Pahang dan dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan. Setelah pilihan raya pada tahun 1990, beliau dilantik memegang jawatan Menteri Pertahanan, merupakan jawatan menteri kanan. Kemudian pada 1995 pula, beliau dilantik menjawat satu lagi jawatan menteri kanan, iaitu Menteri Pelajaran. Pada Pilihan Raya Umum 1999, beliau menerima tamparan hebat dan kejutan besar apabila memenangi kerusi parlimen Pekan dengan majoriti hanya 241 undi kerana dalam pilihan raya terdahulu lazimnya majoriti undi beliau melebihi 10 000. Walau bagaimanapun, selepas pilihan raya itu, beliau sekali lagi diamanahkan sebagai Menteri Pertahanan.

Pada Pilihan Raya Umum 2004, beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dan beliau kembali memenangi kerusi parlimen Pekan, kali ini dengan majoriti 22 922 undi. Pada Pilihan Raya Umum 2008, beliau mempertahankan kerusi parlimen tersebut dengan majoriti terbesar, iaitu 26 464 walaupun secara umumnya pencapaian Barisan Nasional merosot. Pada Mac 2009, beliau memenangi jawatan Presiden UMNO apabila Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak bertanding dalam pelan peralihan kuasa parti tersebut. Apabila mula menjadi Perdana Menteri pada 3 April 2009, Najib juga menjawat Menteri Kewangan. Dalam parti UMNO pula beliau berpengalaman sebagai Ahli Majlis Tertinggi, Ketua Pemuda UMNO, Naib Presiden, dan Timbalan Presiden.

5.1.1 Analisa kepimpinan Najib Razak Dalam Kerajaan

Najib Razak pada awal pentadbirannya mempunyai ciri karismatik bersama-sama legal-rasional. Ketika mengambil alih pemerintahan Abdullah Badawi, beliau berhadapan dengan realiti landskap politik Malaysia yang telah memasuki era politik baru. Rakyat Malaysia pasca PRU-12 mahukan perubahan sosioekonomi kerana mereka berhadapan dengan pelbagai isu seperti kos sara hidup yang tinggi, ketidakpastian ekonomi, serta masalah sosial yang ditinggalkan legasi Perdana Menteri sebelumnya seperti ketidakpuasan hati kaum bukan Melayu terhadap pentadbiran Abdullah. BN dalam masa yang sama juga mengalami kemerosotan teruk berikutan buat pertamakalinya gagal menguasai dua pertiga majoriti kerusi di Parlimen dalam PRU-12. Justeru, bagi menyelesaikan segala isu dan permasalahan yang sedang menimpa negara pada ketika itu,

Najib Razak muncul sebagai pemimpin transformer yang memperkenalkan perubahan dalam pentadbiran negara (Hughes 1999).

Pada awal pentadbirannya, Najib memperkenalkan gagasan “transformasi” dan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” sebagai salah satu agenda pembaharuan kepimpinan yang ingin ditonjolkan oleh beliau. Lebih 200 produk 1Malaysia telah diperkenalkan beliau bagi membantu menangani kos hidup rakyat yang menyasarkan keseluruhan kelas masyarakat sama ada yang miskin atau kaya, pelajar sekolah atau universiti, penduduk bandar sehinggalah ke penduduk luar bandar. Kesemuanya menerima manfaat dari pelbagai bentuk dan pakej bantuan jenama 1Malaysia yang diperkenalkan beliau (Yeoh & Farizal 2006). Selain itu, Najib juga dianggap sebagai pemimpin transformer yang berani apabila bertindak memansuhkan beberapa akta yang dianggap kuku besi yang wujud di Malaysia. Antaranya termasuklah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan, dan Akta Buang Negeri yang kesemuanya dimansuhkan serta-merta (Malaysiakini 15 September 2011).

Dalam masa yang sama, Najib juga turut memperkenalkan dasar Pembangunan negara yang memberi manfaat kepada semua kelompok rakyat tanpa mengira kaum teras masuklah yang bukan Bumiputera (Kumaran 2013). Pelancaran Model Ekonomi Baru (MEB) bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang lebih memberi penumpuan terhadap pembangunan sosioekonomi orang Melayu semata-mata. Pembangunan MEB tidak lagi berdasarkan kuota tetapi lebih mengutamakan merit di mana kesemua kaum berpeluang secara sama rata menikmati pembangunan negara secara menyeluruh (Mansor, 2010).

Najib Razak cukup dihormati rakyat pada fasa pertama pentadbirannya sehingga PRU-13 berlangsung. Dasar perpaduan 1Malaysia yang diperkenalkan bersama agenda Transformasi dalam sektor ekonomi, politik, dan sosial dilihat berkesan apabila indeks ukuran yang digunakan oleh beliau bagi menilai prestasi pentadbirannya hampir kebanyakannya menunjukkan nilai yang positif dan berkesan. Dalam perspektif dasar, dapatlah dilihat bahawa usaha yang dilakukan Najib Razak sebagai Perdana Menteri adalah berasaskan kepada sudut pandang Ahmad Atory Hussain (1990:107) bahawa dasar-dasar yang dibentuk adalah sebagai usaha kerajaan yang memerintah untuk memenuhi keperluan-keperluan negara, kepentingan yang utama, kebajikan dan pembaikan kedudukan ekonomi, sosial, pendidikan budaya dan sebagainya. Semuanya terangkum di dalam dasar yang diusahakan di samping pemerintah cuba memenuhi amanah yang diberikan oleh rakyat dan setiap satu dasar ini adalah penting untuk dilaksanakan bagi menjamin keabshahan serta menilai keupayaannya dasar terbabit setelah dilaksanakan kelak (Ahmad Atory Hussain, 1990:107).

Berasaskan pendekatan transformasi Najib Razak, maka pelaksanaan agenda transformasi Najib kepada rakyat disampaikan dalam bentuk produk jenama 1Malaysia. Najib telah membangunkan produk-produk seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan sebagainya dalam usaha mengurangkan bebanan kos sara hidup yang kian meningkat. Najib menyatakan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan produk serta perkhidmatan jenama 1Malaysia tidak ada 'noktah' sebaliknya bersifat 'koma' (berterusan) setelah didapati ia banyak meringankan beban hidup seharian rakyat di negara ini. Sikap keprihatinan Najib melalui produk 1Malaysia

ini dijadikan elemen utama dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang memberi tumpuan khusus kepada bidang yang menjadi desakan paling kuat yang disuarakan rakyat (Mohd Ayop Abd Razid, 2013: 29).

Menerusi pelaksanaan pelbagai dasar bersifat transformasi yang dijadikan agenda model pentadbiran kerajaan, maka Najib Razak terkenal bukan sahaja sebagai Bapa Transformasi Malaysia, bahkan berjaya membina imej karismatik walaupun dilantik mengikut sistem perundangan legal-rasional (Lukman, 2015), dan turut dikenali sebagai pemimpin yang cukup demokratik, terbuka, dan dekat dengan rakyat. Kesemua imej kepimpinan transformasi ini jelas ada pada beliau pada fasa pertama pentadbirannya. Fasa ini bermula dari awal pentadbirannya sehinggalah PRU-13.

5.1.1.1 Analisa Dasar Transformasi dan Pembangunan Ekonomi

Menurut definisi, dasar awam adalah yang mengenal tindakan-tindakan kerajaan di sesebuah negara itu. Ia dikaitkan dengan disiplin Sains Politik serta kebolehan disiplin akademik tersebut menghuraikan dan menerangkan dasar awam itu. Pada teorinya, dasar awam digubal oleh ahli-ahli politik yang memerintah dan selepas itu dasar tersebut diserahkan kepada para pentadbir yang melaksanakan dasar itu (Ahmad Atory, 1996: 49). Para pentadbir bertanggungjawab menganalisis dasar-dasar itu untuk dilaksanakan. Sebelum itu, mereka perlulah merekabentuk dasar itu kepada projek, program atau apa juga pendekatan yang membolehkan dasar itu dilaksanakan dengan berkesan dan lancar. Dengan sebab itu, para pentadbir perlu mempunyai kelayakan dan pengetahuan serta pengalaman yang secukupnya untuk menganalisa dasar awam yang diamanahkan oleh

rakyat melalui ahli-ahli politik yang menggubal dasar itu dalam bentuk undang-undang sama ada dibuat di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (Ahmad Atory, 1996: 49).

Menerusi kepekaan Najib Razak yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-6, maka dalam konteks Malaysia, Najib Razak telah menetapkan satu matlamat penting dalam pengukuhan jaringan keselamatan sosial di Malaysia melalui pengenalan program pembangunan ekonomi yang dikenali sebagai Najibnomics. Elemen Pembangunan dasar-dasar awam yang pelbagai membolehkan Malaysia mengemukakan pelbagai kaedah respon kepada keperluan rakyat dan negara, dan ini sesuai dengan pandangan Ahmad Atory (1996: 21) yang jelas menyatakan dari sudut ilmiah bahawa dasar awam boleh dilihat sebagai pemilihan-pemilihan dan nilai-nilai elit yang memerintah. Melalui Najibnomics, penerapan nilai peranan negara dalam merencana pembangunan dibangkitkan semula walaupun di bawah pemerintahan beliau pendekatan “*government know best*” sudah tidak dijadikan mekanisme utama. Walaubagaimanapun, negara masih lagi menjadi aktor utama, tetapi peranan sampingan utama turut diambil alih dengan kemasukan sektor swasta sebagai aktor kedua utama dalam merencana pembangunan ekonomi. Di bawah Najibnomics, Model Ekonomi Baru (MEB) diperkenalkan dalam usaha mengangkat prinsip keterangkuman (*inclusiveness*) agar faedah ekonomi diterima oleh semua kelas sosial di Malaysia. Melalui MEB, pengukuhan mekanisme jaringan keselamatan sosial diusahakan bagi mendepani permasalahan “*middle-income trap*” khususnya terhadap kelompok B40.

Model Ekonomi Baru (MEB) menegaskan bahawa cabaran utama pertumbuhan inklusif ialah reka bentuk langkah berkesan yang menyeimbangkan antara kedudukan istimewa Bumiputera dan kepentingan sah kumpulan berbeza. Sambil mengatakan bahawa masyarakat yang berpecah etnik lebih terdedah kepada konflik ganas, MEB menekankan bahawa program tindakan afirmatif mesra pasaran selaras dengan prinsip keterangkuman akan menyasarkan bantuan kepada 40 peratus isi rumah terbawah, di mana 77.2 peratus daripadanya adalah Bumiputera dan kebanyakannya berada di Sabah dan Sarawak, dan memastikan peluang yang saksama dan adil melalui proses telus. Ia juga membenarkan akses kepada sumber berdasarkan keperluan dan merit untuk membolehkan penambahbaikan dalam kapasiti, pendapatan dan kesejahteraan, serta mempunyai rangka kerja intelek yang kukuh untuk pemantauan yang lebih baik dan pelaksanaan yang berkesan (The Star, 30 Mac 2010).

Justeru, bagi menjamin pencapaian sepenuhnya melalui pelaksanaan MEB, negara dilihat kembali dominan apabila menyelaraskan beberapa program pengukuhan jaringan keselamatan sosial yang dibentuk hasil daripada transformasi pembangunan sosial di Malaysia sejak kewujudan DEB. Dengan demikian, kaedah dasar dalam negara pembangunan yang mengetengahkan mekanisme campur tangan mesra negara terhadap pasaran ditonjolkan apabila negara dilihat menerima secara langsung peranan sektor swasta dalam usaha menangani kesan “*trickle-down economy*” yang dilihat telah lama memerangkap pembangunan kelompok masyarakat pasca kapitalis khususnya di Malaysia (Majlis Perundingan Ekonomi Kebangsaan 2009).

Menerusi pentadbiran Najib Razak sebagai Perdana Menteri, konsep bantuan “direct cash transfer” (aliran tunai langsung) yang dinamakan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilihat sebagai manifestasi daripada pelaksanaan MEB yang merangkumi usaha kerajaan mengurangkan beban ekonomi rakyat.

Beberapa program yang dilancarkan pentadbiran Najib Razak hyang dikategorikan sebagai Bantuan Tunai Daripada Kerajaan ialah:-

1. **Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M**

Matlamat BR1M diwujudkan sebagai satu bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia bagi membantu meringankan beban rakyat akibat daripada peningkatan taraf hidup di Malaysia (Najib Razak, 2014). Ianya juga merangkumi kepada aspek penyediaan kemudahan bantuan yang disediakan oleh negara yang disediakan dalam bentuk tunai ataupun *cash transfer*. Perancangan pelaksanaan BR1M diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012. Bermula pada tahun 2012 pelaksanaan BR1M mula dilaksanakan, dan dijadikan dasar dalam pentadbiran kerajaan pimpinan Najib Razak bagi tahun tahun seterusnya, di mana ianya merupakan salah satu mekanisme bantuan yang dibentuk dan dilaksanakan di bawah program 1 Malaysia sebagai usaha negara untuk memastikan keseimbangan pendapatan antara kelas dalam berdepan dengan peningkatan taraf hidup khususnya merujuk kepada kelas menengah dan bawahan di Malaysia. Pada awal pelaksanaan BR1M ianya bertujuan untuk memberikan bantuan kepada kelompok pendapatan isi rumah RM 3000 ke bawah sebulan dan bayarannya bersifat “one-off ”. Kemudiannya, disebabkan BR1M begitu popular, pelaksanaannya diteruskan sehingga ke

tahun 2017 dengan peruntukan bajet sebanyak RM 6.8 juta bagi penerima BR1M (Wong, 2018).

Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) Melalui Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kira-kira 6 juta isi rumah di Malaysia yang berpendapatan RM3,000 ke bawah menerima bantuan kewangan one-off (bayaran sekali sahaja) sebanyak RM500. Lebih 75% isi rumah di negara ini memperoleh manfaat daripada peruntukan RM2.34 bilion untuk program ini. Dalam Bajet 2013, sekali lagi BR1M diberikan kepada rakyat yang layak malah dikembangkan lagi kepada golongan bujang berumur 21 tahun ke atas. Golongan bujang tersebut haruslah berpendapatan bawah RM2,000 dan jumlah bantuan tunai daripada BR1M2.0 ialah sebanyak RM250. Permohonan dibuat mulai November 2012 dan dilanjutkan sehingga 15 Mac 2013. Menurut Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, falsafah kerajaan dalam konteks BR1M ialah untuk memastikan semua rakyat yang layak, mendapat BR1M. Malaysia

Sebelum BR1M dilaksanakan, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial di Malaysia dilihat lebih cenderung berbentuk perlindungan kewangan iaitu berkenaan aspek skim pencen dan EPF (Saidatulakmal 2009 & 2010). Oleh yang demikian BR1M dilihat dalam bentuk jaringan keselamatan sosial yang adaptasinya lebih moden mengikut trend taraf hidup masa kini. Melalui itu juga, dari segi tradisi pembangunan sosial di Malaysia, Malaysia tidak mahu dikenali sebagai negara kebajikan yang menampung keperluan rakyatnya untuk seumur hidup dan dengan demikian inisiatif negara adalah dengan memberikan bantuan dari segi pembinaan kapasiti dalam bentuk bantuan latihan dan

kemahiran untuk individu atau kumpulan yang menerima bantuan mampu mencari inisiatif sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup. Ianya juga berpotensi untuk dinaiktaraf kepada program pelan kecemasan sekiranya wujud ancaman ekonomi dan sosial dalam masyarakat namun masih memerlukan beberapa penambahbaikan agar selari dengan tuntutan kenaikan taraf hidup.

2. Bantuan Persekolahan RM100

Najib juga mengambil inisiatif untuk menyalurkan bantuan RM100 kepada semua pelajar sekolah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 melalui Program Kembali ke Sekolah. Beliau mengumumkan hadiah berkenaan dalam Bajet 2012 dan diteruskan dalam bajet 2013. Bantuan ini telah diberikan kepada ibu bapa melalui sekolah anak masing-masing. Lebih 5.3 juta pelajar meraih manfaat daripada bantuan ini dan sebanyak RM533 juta telah diagihkan menerusi program ini. Ditambah pula dengan pemansuhan bayaran yuran sekolah, bantuan seumpama ini pastinya suatu inisiatif yang dialu-alukan oleh sebahagian besar ibu bapa, terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana dan mempunyai bilangan anak yang ramai. Bantuan sejumlah itu diberikan tepat pada masanya bagi membantu ibu bapa menampung perbelanjaan kemasukan anak-anak ke sekolah seperti membeli pakaian sekolah baharu dan barang keperluan sekolah yang lain (Mohd Ayop Abd Razid, 2013: 38-39).

3. **Bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)**

Inisiatif Bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) telah diumumkan oleh Najib dalam ucapan Bajet 2012 dan diteruskan dalam Bajet 2013. Di bawah program BB1M, baucar buku bernilai RM200 ditambah kepada RM250 dan diagihkan kepada semua pelajar Malaysia di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, matrikulasi dan pelajar Tingkatan 6 di seluruh negara. Kira-kira 390,000 pelajar meraih manfaat daripada peruntukan RM97.5 juta untuk inisiatif ini. Baucar BB1M akan memastikan pelajar berupaya membeli buku tambahan dan bahan bacaan yang berkaitan (Mohd Ayop Abd Razid, 2013: 39).

Menerusi pentadbiran Najib Razak, pada 11 Julai 2009, genap 100 hari Najib mentadbir negara, dan bagi memastikan pentadbiran negara menuju landasan yang teratur perancangannya, terutama untuk rakyat, Najib Razak memperkenalkan enam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) yang akan dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). NKRA dan KPI diperkenalkan bagi mewujudkan elemen kebertanggungjawaban yang serius dalam kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam. NKRA dan KPI diperkenalkan kerana kerajaan mahu rakyat sebagai pelanggan utama, maklum akan program dan hala tuju pembangunan yang digembleng oleh kerajaan. Bagi memastikan setiap NKRA berjalan dengan lancar, seorang menteri dilantik sebagai “Menteri Pimpinan” bagi menerajui NKRA yang ditetapkan (Mohd Ayop Abd Razid, 2013: 31-32). Senarai Menteri-Menteri yang dilantik “Menteri Pimpinan” seperti berikut:-

1. Meluaskan Akses Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan

- Tan Sri Muhyiddin Yassin (Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pelajaran)

2. Mengurangkan Kadar Jenayah
 - Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein (Menteri Dalam Negeri)
3. Memerangi Rasuah
 - Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Dato' Abdul Aziz (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
4. Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah
 - Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
5. Memperkasa Prasarana Luar Bandar Dan Pedalaman
 - Dato' Seri Haji Mohd Shafie Apdal (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)
6. Menambah Baik Pengangkutan Awam
 - Dato' Seri Kong Cho Ha (Menteri Pengangkutan)
7. Memerangi Kos Sara Hidup Yang Kian Meningkat
 - Datuk Seri Haji Noh Omar (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)
 - Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

Kesan daripada transformasi yang dilalui dalam pembangunan sosial di Malaysia sejak pembentukan DEB, negara di bawah Najib Razak mengetengahkan satu bentuk mekanisme baru dalam pengukuhan jaringan keselamatan sosial dengan melaksanakan pendekatan “*direct cash transfer*” (aliran tunai langsung) dalam membantuk kelompok B40 mendepani kenaikan kos hidup di samping pengukuhan juga terhadap aspek keselamatan sosial dan insurans sosial bagi kelas pekerja di Malaysia

5.1.1.1.1 Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Program Transformasi Ekonomi (ETP) ialah satu inisiatif oleh kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Najib Razak untuk menjadikan Malaysia sebuah negara dengan kapasiti ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pada September 2010, Perdana Menteri melancarkan inisiatif utama yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pelaburan yang diperlukan untuk Malaysia mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2020, yang ditakrifkan sebagai PNK per kapita sebanyak AS\$15,000. Dalam mencapai sasaran pendapatan tinggi sebanyak AS\$15,000, kerajaan mengikuti ambang Bank Dunia untuk ekonomi berpendapatan tinggi atau AS\$12,476 yang kemudian mengambil kira kadar inflasi global sejarah yang diterbitkan sebanyak 2 peratus sehingga 2020. Ini adalah untuk dicapai dengan menarik AS\$444 bilion dalam pelaburan yang seterusnya akan mewujudkan 3.3 juta pekerjaan Baharu (*The Star*, 18 September 2010).

Peranan kerajaan dalam ETP adalah sebagai fasilitator, menyelaraskan, menjejak dan memantau program. Dan sementara kerajaan berusaha untuk menyelaraskan dasar dan perbelanjaannya kepada keperluan ETP, sebahagian besar pelaburan (disasarkan pada 92 peratus menjelang 2020) akan dibiayai oleh sektor swasta. ETP, pada dasarnya, adalah percubaan selanjutnya untuk menginstitusikan usaha pembaharuan yang telah dimulakan dengan GTP pada tahun 2009. Dan seperti GTP, ia akan dilaksanakan oleh Pemandu, sebuah unit Jabatan Perdana Menteri, dengan keputusan diaudit oleh PwC berdasarkan kriteria yang dipersetujui sebelum ini. ETP mempunyai dua komponen:-

- (1) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEAs) dan

(2) Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRIs).

Dua belas NKEA telah dikenal pasti berdasarkan potensi mereka untuk menyumbang kepada PNK dan mewujudkan kesan pengganda merentas ekonomi. ETP diuruskan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), iaitu sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia, dan ianya dilancarkan pada 21 September 2010 ia merupakan pelan transformasi ekonomi yang komprehensif untuk menggerakkan ekonomi Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, dengan jangkaan untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (GNI) kepada US\$ 523 bilion menjelang 2020, serta meningkatkan pendapatan per kapita dari US\$ 6,700 kepada sekurang-kurangnya AS\$ 15,000 bagi keperluan memenuhi nilai ambang Bank Dunia untuk Malaysia berstatus negara berpendapatan tinggi. Melalui ETP, Malaysia dianggarkan bahawa akan mencapai sasaran yang ditetapkan jika GNI meningkat sebanyak 6% setahun. Pelbagai sektor untuk pembangunan telah dikenal pasti dan dikenali sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dan usaha untuk memulihkan sektor swasta Malaysia, melalui ETP, anggaran 60% daripada pelaburan pelan itu akan diperolehi daripada sektor swasta, 32% daripada syarikat berkaitan kerajaan dan baki 8% daripada kerajaan.

ETP dibangunkan melalui pendekatan baru dengan memberikan fokus kepada jentera pertumbuhan iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). NKEA berkenaan akan memberikan sumbangan ketara terhadap prestasi ekonomi negara dan akan mendapat keutamaan pelaburan awam dan sokongan polisi. Pelaksanaan ETP digerakkan untuk merubah ekonomi Malaysia dengan ketara dan menyamai ekonomi negara-negara membangun yang lain, bagi menghalakan usaha untuk membuat anjakan ke arah sebuah

ekonomi yang berlandaskan perkhidmatan, dengan pertumbuhan sektor perkhidmatan daripada 58 peratus kepada 65 peratus bagi tempoh pelaksanaan ETP itu. Sasaran lebih 3.3 juta peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan pada 2020, meliputi seluruh negara, termasuklah kawasan bandar dan luar bandar dan menyaksikan peralihan kepada golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi.

Pada pelancaran rasmi ETP pada Oktober 2010, Najib menjelaskan bahawa terdapat enam perbezaan utama antara ETP dan rancangan pembangunan sebelumnya (Bernama, 25 Oktober 2010), Najib Razak menyatakan ETP adalah:-

1. Faktor pertama, ialah ETP adalah program dan bukan rancangan. Ini kerana ia mengandungi projek khusus dan tindakan khusus dengan garis masa, pemilik projek dan ukuran prestasi. Terdapat 131 projek pintu masuk (EPP), 12 makmal pelaporan dan 60 peluangperniagaan, semuanya bertujuan mewujudkan permintaan untuk 3.3 juta pekerja tambahan.
2. Kedua, ETP adalah berdasarkan pendapatan negara kasar (GNI) dan menyediakan hala tuju yang jelas kerana ia menyasarkan untuk mencapai PNK per kapita sebanyak AS\$15,000 pada 2020.
3. Perbezaan ketiga, ETP dibentuk secara bersama dengan sektor swasta dengan pendekatan terbuka dan telus. Ia juga mesra pasaran, berdasarkan merit dan keperluan. ETP, katanya, telah dipamerkan dan dibincangkan bersama 13,000 orang melalui Hari Terbuka.

4. Keempat, ETP direka untuk menukar peranan kerajaan daripada menjadi pembiaya kepada fasilitator. Dijangkakan bahawa 92 peratus daripada pelaburan untuk ETP adalah daripada sektor swasta dan 72 peratus akan disumbangkan oleh pelaburan langsung domestik.
5. Kelima, ETP adalah inklusif. Semua rakyat Malaysia akan merasai, tidak kira sekecil mana, kesan positif daripada pelaksanaan projek di bawahnya
6. Keenam, ETP meliputi seluruh negara, bukan hanya Malaysia Barat.

(Bernama, 25 Oktober 2010)

ETP adalah satu agenda yang diterajui sektor swasta dengan kerajaan berfungsi sebagai fasilitator. Kebanyakan dana pembiayaan datang dari sektor swasta (92 peratus) dengan pelaburan sektor awam digunakan sebagai pemangkin bagi mencetuskan pembabitan sektor swasta. ETP adalah lain dari kebiasaan kerana ia memfokus kepada tindakan, bukan semata-mata kepada prinsip teori dan idea-idea. Untuk itu sebanyak 131 projek penggerak ekonomi (EPP) dikenal pasti yang menggariskan tindakan bagi membangunkan ekonomi. EPP dan peluang perniagaan dikenal pasti di bawah setiap NKEA dijuruskan kepada berapa banyak ia menyumbang kepada GNI yang dipilih berasaskan ekonomi berkesan dan analisa kewangan. Pelaksanaan ETP berteraskan kepada setiap perbelanjaan awam diperuntukkan berasaskan memaksimumkan PNK setiap ringgit untuk perbelanjaan awam. ETP direkabentuk untuk menjadi berkesan dan telus dengan unit baru ETP di bawah PEMANDU ditugas memantau dan melaporkan perkembangannya kepada pemimpin negara, komuniti perniagaan dan rakyat

5.1.1.1.2 Program Transformasi Kerajaan (GTP)

Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah satu usaha oleh Kerajaan Malaysia untuk menangani tujuh bidang utama yang berkaitan dengan rakyat negara ini. Program ini diwujudkan untuk menyokong moto Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" sebagai asas bagi transformasi Malaysia. GTP diumumkan pada 28 Januari 2010 dalam usaha menjadikan negara sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) awal yang diperoleh daripada tinjauan dengan warga negara dan beberapa bulan selepas menilai tuntutan Kerajaan dan isu-isu yang paling mendesak telah dipilih untuk membangunkan NKRA. Pada Julai 2011, NKRA ke-7 diumumkan untuk menangani satu lagi isu inflasi yang mendesak dan peningkatan kos harian rakyat. NKRA adalah tanggungjawab Kementerian yang berkaitan dan Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) dimulakan untuk memantau pencapaian setiap Kementerian. Pada tahun pertama dalam pelaksanaan, majoriti NKRA mencapai lebih daripada 90% daripada sasaran dan hasilnya juga disediakan melalui Laporan Tahunan GTP 2010. NKRA dan sasaran terperinci telah diumumkan kepada umum dengan penerbitan Garis Panduan GTP. Senarai projek dan inisiatif yang telah difokuskan untuk setiap NKRA telah dibangunkan untuk memastikan bahawa keputusan pantas yang pantas untuk sasaran tertentu dicapai

Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesanan dalam penyampaian Kerajaan kepada masyarakat, GTP 2.0 telah diperkenalkan bagi menyasarkan dan memperdalamkan serta meningkatkan inisiatif transformasi yang telah direalisasikan di bawah GTP1.0. GTP 2.0 akan memperkenalkan inisiatif-inisiatif baharu selari dengan arus perubahan semasa. GTP 2.0 disasarkan bagi mencapai semua sasaran melalui beberapa inisiatif dan program yang merangkumi meningkatkan proses perolehan Kerajaan. Selari dengan tujuan tersebut, Kementerian Kewangan dengan kerjasama CDCSB telah membangunkan Sistem ePerolehan Baharu yang lebih strategik, telus dan efisien.

Pembangunan sistem ini adalah sebagai salah satu inisiatif bagi memastikan portal MyProcurement yang dinaik taraf lebih memberi impak kepada pengguna Kerajaan dan secara langsung kepada masyarakat. Disamping itu juga, ciri-ciri keselamatan dan pemantauan yang lebih sistematik dan mesra pengguna merupakan antara ciri-ciri Sistem ePerolehan Baharu dalam memastikan proses perolehan Kerajaan lebih teratur pada masa akan datang. Dengan ciri-ciri keselamatan dan pemantauan yang lebih sistematik dan mesra pengguna, Sistem ePerolehan Baharu dibangunkan seiring dengan hasrat GTP 2.0 iaitu dengan penambahbaikan portal dan sistem Perolehan Kerajaan.

Bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan berjalan lancar, semua menteri memberi lebih banyak penekanan terhadap aspek kebertanggungjawaban masing-masing. YAB Perdana Menteri akan menilai pencapaian setiap menteri pada setiap enam bulan bagi memastikan mereka mencapai tahap prestasi yang telah ditetapkan. Beliau membuat

penilaian pertama bagi tempoh meliputi November 2009 dan Januari 2010. Bagi menjamin prinsip “Pencapaian Diutamakan” benar-benar terlaksana, semua menteri dan pegawai kerajaan yang menguruskan keberhasilan diminta memastikan bahawa keputusan atau tindakan mereka mematuhi “Prinsip-prinsip Penyampaian”. Prinsip-prinsip ini termasuk menggalakkan penyertaan rakyat dalam program yang dirancang, dengan mendapatkan input daripada mereka sebelum membuat sesuatu keputusan, meningkatkan produktiviti sebanyak mungkin daripada sumber sedia ada, mengurangi ketirisan, mengoptimumkan taraf perkhidmatan serta menggunakan pendekatan inovatif. Kerajaan yakin persefahaman yang wujud antara pemimpin, penjawat awam dan rakyat dalam melaksanakan NKRA akan menjadikan Malaysia lebih maju, aman dan makmur.

5.2 Analisa kepimpinan dan survival Najib Razak dalam Parti Politik.

Najib Razak yang mengambil alih kepimpinan dari Abdullah Badawi pada April 2009 mengisytiharkan bahawa era kerajaan tahu yang terbaik serta kawalan keterlaluan telah berakhir. Ia merupakan indikasi jelas bahawa BN-UMNO tidak lagi boleh berpaut pada kaedah lama untuk kekal berkuasa. Hanya lima bulan selepas Najib berada dalam tampuk kuasa, UMNO bagaimanapun tersentak dengan kejatuhan mutlak LDP di Jepun pada 30 Ogos 2009 (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018). Pada minggu pertama selepas kejatuhan LDP, pemerhati dari kedua-dua blok pemerintah dan pembangkang terus menerus membanding dan bertanyakan sama ada UMNO akan menyusuli LDP sebagai parti dominan yang akan terkeluar dari kuasa. Agensi berita antarabangsa seperti Kyodo News

International juga membuat liputan analisis berhubung perkara yang sama (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018).

Sebagai PM, Najib merupakan pemimpin yang didapati paling terkesan dengan kekalahan LDP dan berulang kali menyentuh perkara ini dalam ucapan dan temu bualnya. Empat bulan setelah LDP tewas, Najib mengimbas perbualannya dengan PM baru Jepun, Yukio Hatoyama (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018), dengan katanya:

“I asked [PM from DPJ] Mr Hatoyama how his party had succeeded in defeating the LDP, and his brief reply was that the LDP was no longer close to the people, they could no longer feel the pulse of the people and did not understand the wishes and aspirations of the people.”

Pada sambutan ulangtahun UMNO ke-64 yang diadakan pada 11 Mei 2010, UMNO turut menjemput bekas ahli LDP Jepun yang menyertai DPJ, Kotaro Tamura. Dalam ucapan Najib pada 11 Mei, Najib mengingatkan UMNO mengenai tiga sebab yang harus diinsafi dalam membawa kejatuhan LDP seperti yang telah dinyatakan Tamura (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018) iaitu:-

“There were too many factions in the LDP, to the point that the factions were more important than the party. They also prioritised special interest groups over the people., Although it initiated reform, it did not have the political will to continue the process and returned to its comfort zone and status quo”

Menurut Muhamad Takiyuddin Ismail (2018), dalam Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung pada Oktober 2010, pengajaran dari kejatuhan LDP turut disentuh lagi oleh Najib. Dalam mencadangkan satu Model Politik Baru, Najib menyifatkan yang strategi politik pembangunan tidak lagi berkesan untuk dipraktikkan pada waktu ini. Beliau menambah lagi: “Saya kira mengapa orang menolak parti-parti yang banyak berjasa dahulu kerana parti itu tidak berubah. Parti itu dilihat sebagai kaku dan tidak dinamik. Mereka tidak berubah mengikut masa”. Sebulan selepasnya, Najib menyentuh lagi yang LDP Jepun tewas kerana parti itu “*were more concerned with concrete ... with buildings, with infrastructure*” dan mengingatkan supaya parti-parti komponen BN berkhidmat untuk rakyat. Setahun kemudiannya iaitu menjelang Perhimpunan Agung UMNO pada 2011, Najib menggesa UMNO agar melakukan transformasi di peringkat masing-masing (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018). Menurut Najib Razak menerusi temubual pada 2011 yang dinyatakan dalam penulisan Muhamad Takiyuddin Ismail (2018: 328):-

“Party divisions and branches should reflect the new political culture, one that is not too engrossed in intra-politics, and one that also looks into the interests of communities outside the party so that they too support the party. If we’re still in the old mode of thinking, we’ll face the same fate as other old parties like the LDP (Liberal Democratic Party of Japan), Golkar (Indonesia) and Congress (Indian National Congress). These are parties which had struggled for independence, which had done a lot of good deeds.”

Namun, analisis paling baik bagi meneliti sama ada pengajaran dari kejatuhan LDP diterjemahkan dengan baik oleh Najib dan UMNO ialah dengan melihat perkembangan

dua tahun sebelum berlangsungnya PRU-13. Dalam perhimpunan BERSIH 2.0 yang berlangsung pada Julai 2011, kritikan meluas dilemparkan terhadap kerajaan berhubung pendekatan kerasnya dalam menangani BERSIH 2.0. Lebih tidak difahami apabila kerajaan juga melakukan tindakan dangkal dengan menapis majalah *The Economist* versi bercetak yang membuat liputan berhubung perhimpunan tersebut. Bagi memulihkan imejnya, Najib bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen untuk meneliti reformasi sistem pilihan raya (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018) .

Tidak sekadar itu, Najib Razak juga mengumumkan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 31 Julai 2012 dan diganti dengan SOSMA yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 April, 2012, diberikan perkenan Diraja pada 18 Jun 2012, dan diwartakan pada 22 Jun 2012 (Berita Harian, 28 Julai 2018), serta melonggarkan beberapa undang-undang lain. Menurut penulisan oleh Muhamad Takiyuddin Ismail (2018) reformasi ini tidak dapat diterjemahkan dalam praktiknya apabila ia ditenggelamkan oleh beberapa isu besar seperti penggunaan strategi perkauman yang diperjuangkan oleh elemen konservatif, isu pinjaman RM250 juta membabitkan keluarga Shahrizat Jalil, pendekatan hukuman yang dilaksanakan oleh birokrat terhadap aktivis pelajar dan gertakan terhadap beberapa organisasi masyarakat sivil (CSO) yang menerima dana asing atas dakwaan cuba melakukan pertukaran rejim.

Penulisan Muhamad Takiyuddin Ismail (2018) juga menyebutkan dapatan bahawa Najib yang sebelum ini mengkritik “politik pembinaan” juga bersetuju terhadap pembinaan dua pencakar langit iaitu Warisan Merdeka dan Tun Razak Exchange, di mana Tony Pua,

anggota DAP berhujah bahawa projek Tun Razak Exchange membayangkan yang kerajaan tidak “belajar dari kesilapan masa lalu” dengan merujuk kepada beberapa projek mega seperti E-Valley, E-Village dan Multimedia Super Corridor (MSC) yang kini mengalami ketidaktentuan. Selain itu, hubungan politik dan perniagaan juga terus dimanifestasikan secara implisit dalam kontroversi pelaburan pengambilalihan Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. (Tanjong Energy) oleh syarikat pelaburan keSrajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) bernilai RM8.5 bilion pada Mac 2012. Menjelang PRU-13, Najib juga terus menyajikan rakyat dengan berbagai-bagai insentif kewangan dan sogokan lembut dalam mendapatkan sokongan. Bridget Welsh menganggarkan bahawa BN membelanjakan anggaran RM100 billion bagi kempen PRU-13. Konsep kesederhanaan yang dicanangkan Najib menerusi 1Malaysia dan wasatiah turut direncanakan apabila BN mencalonkan dua ahli PERKASA seperti Zulkifli Nordin dan Ibrahim Ali untuk mewakili gabungan parti tersebut (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018).

Analisa dari kepimpinan di tahun tahun terakhir pentadbiran Najib Razak jelas menunjukkan wujudnya satu pengamatan serius dikemukakan oleh penulisan Muhamad Takiyuddin Ismail (2018) dengan pengamatan yang menunjukkan bahawa kemuncak terhadap kesilapan Najib Razak ialah apabila beliau mengambil ringan isu 1MDB dengan memecat Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin dan juga bekas Menteri Besar Kedah, Mukhriz Mahathir serta menggantung Naib Presiden, Shafie Apdal. Tindakan ini mengukuhkan lagi persepsi bahawa kerajaan cuba menyembunyikan salah laku yang berlaku selepas penamatan serta merta khidmat Peguam Negara, Abdul Gani Patail yang ditugaskan menyiasat kes 1MDB tidak lama sebelum itu. Pembersihan segera nama Najib

oleh Peguam Negara yang baru dilantik, Apandi Ali lebih menyerlahkan sisi negatif tindakan tersebut. Namun tindakan keterlaluan seperti ini masih gagal menimbulkan sebarang suara penentangan dari dalam kerajaan atau UMNO. Seperti yang diimbaskan Khairy selepas keputusan PRU14, detik pemecatan tersebut sewajarnya menjadi saat di mana beliau dan rakan-rakan lain dalam UMNO bersuara. Namun hal ini gagal dilakukan kerana UMNO menurutnya “delusi” dan “mabuk” (Muhamad Takiyuddin Ismail, 2018).

Namun, biarpun prestasi BN terus mengalami kemerosotan dalam PRU-13 iaitu dari 140 ke 133 kerusi, kerusi UMNO mengalami peningkatan ketara sebanyak 23% iaitu dari 79 kerusi pada PRU-12 ke 109 kerusi pada PRU-13. Ia juga berjaya menawan semula negeri Kedah yang berada di bawah pemerintahan PAS. Perkembangan dari bermulanya era Najib sehinggalah ke PRU-13 yang lalu menyarankan yang apabila UMNO cuba berjinak dengan idea liberalisasi dalam PRU-12, parti itu didapati berada dalam keadaan tergugat. Namun PRU-13 yang didominasi oleh konservatisme politik, agama dan perkauman ternyata meningkatkan populariti UMNO di kalangan penduduk luar bandar yang menjadi pangkalan utama sokongannya.

5.3 Analisa keberhasilan Pembangunan dan Perlaksanaan Dasar

Dasar-dasar awam ini dibentuk rata-ratanya sebagai usaha kerajaan yang memerintah untuk memenuhi keperluan-keperluan negara, kepentingan yang utama, kebajikan dan pembaikan kedudukan ekonomi, sosial, pendidikan budaya dan sebagainya. Semuanya terangkum di dalam dasar yang diusahakan di samping pemerintah cuba memenuhi

amanah yang diberikan oleh rakyat. Setiap satu dasar ini adalah penting untuk dibahasakan bagi menjamin keabsahan serta menilai keupayaannya setelah dilaksanakan kelak (Ahmad Atory, 1996: 111), tidak dapat dinafikan juga bahawa selain tujuan-tujuan untuk kepentingan masa seperti yang dijelaskan di atas, serentak itu juga pemerintah cuba melaksanakan dasar-dasar tertentu sebagai strategi partinya yang memerintah demi menjamin kedudukan atau kekuatan pemerintahan mereka.

